

**Jilid II
Bil. 15**



**Hari Isnin
12hb Februari, 1973**

MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1293]

PEMASYHURAN YANG DI PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1293]

Memperkenankan Rang Undang-undang [Ruangan 1294]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1295]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1297]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1300]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 [Ruangan 1317]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 12hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- ” DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- ” TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- ” DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- ” TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- ” AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- ” TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- ” DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- ” DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- ” DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- ” DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- ” DATUK S. O. K. UBAILDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- ” TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- ” DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- ” WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara)
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Othman bin Abdullah

Dr Mahathir bin Mohamed.

PEMASYHURAN YANG
DI PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada kedua-dua orang Ahli yang baru sahaja mengangkat Sumpah sebentar tadi. Dengan pengalaman mereka sebagai bekas Ahli Parlimen, saya percaya sumbangan mereka dalam perdebatan Dewan ini akan melicinkan lagi perjalanan mesyuarat pada setiap masa.

MEMPERKENAN RANG UNDANG-
UNDANG

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu.

Akta akta itu ialah seperti berikut:

- (1) Akta Perihal Dagangan, 1972;
- (2) Akta Peguambela dan Peguamcara (Pindaan), 1972;
- (3) Akta Perikanan (Pindaan), 1972;
- (4) Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan), 1972;
- (5) Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan), 1972;
- (6) Akta Rahsia Rasmi, 1972;
- (7) Akta Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972;
- (8) Akta Zon Perdagangan Bebas (Pindaan), 1972;
- (9) Akta Kastam (Pindaan), 1972;

- (10) Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan), 1972;
- (11) Akta Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Sarawak) (Pindaan), 1972;
- (12) Akta Acara Kewangan (Pindaan), 1972;
- (13) Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1972;
- (14) Akta Piawaian (Pindaan), 1972;
- (15) Akta (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy, 1972;
- (16) Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972;
- (17) Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan); 1972;
- (18) Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972;
- (19) Akta Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan), 1972;
- (20) Akta Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman semula) (Perlanjutan Kuatkuasa), 1972;
- (21) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1972 dan
- (22) Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan), 1972.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat. Sekarang saya jemput Setiausaha membacanya.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1973;
- (2) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) (No. 2);
- (3) Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan);

- (4) Rang Undang-undang Peruntukan di Raja (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Lanjutan Kredit (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Eksais (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) (No. 3);
- (10) Rang Undang-undang Menteri Muda (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah;
- (12) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang Kutipan dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong (Pindaan);
- (15) Rang Undang-undang Imigeresen (Pindaan);
- (16) Rang Undang-undang Perbandaran (Pindaan) (No. 2);
- (17) Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur;
- (18) Rang Undang-undang Bank;
- (19) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
- (20) Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan);
- (21) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) (No. 2);
- (22) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukur (Pindaan) (No. 2);
- (23) Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) (No. 2);
- (24) Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan);
- (25) Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan);

- (26) Rang Undang-undang Setiausaha-setiausaha Parlimen (Saraan) (Pindaan);
- (27) Rang Undang-undang Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan);
- (28) Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan) (No. 2);
- (29) Rang Undang-undang Perkahwinan Sivil (Pindaan);
- (30) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3);
- (31) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3);
- (32) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 3);
- (33) Rang Undang-undang Stem (Pindaan);
- (34) Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
- (35) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan);
- (36) Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
- (37) Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan);
- (38) Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis;
- (39) Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera;
- (40) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan); dan
- (41) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di Pertua Dewan Rakyat."

URUSAN MESYUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya mohon memberitahu iaitu saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang berikut

ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang ini:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1973;
- (2) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) (No. 2);
- (3) Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Lanjutan Kredit (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Eksais (Negeri-negeri Tanah Melayu Sarawak dan Sabah) (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2);
- (8) Rang Undang-undang Bank;
- (9) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (No. 3);
- (12) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 3);
- (13) Rang Undang-undang Stem (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
- (15) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) (No. 3);
- (16) Rang Undang-undang Lembaga Kemaajuan Trengganu Tengah;
- (17) Rang Undang-undang Menteri Muda (Pindaan);
- (18) Rang Undang-undang Setiausaha-setiausaha Parlimen (Saraan) (Pindaan);
- (19) Rang Undang-undang Peruntukan di Raja (Pindaan);
- (20) Rang Undang-undang Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan);
- (21) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan);
- (22) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan);

- (23) Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan);
- (24) Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan);
- (25) Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan) (No. 2);
- (26) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
- (27) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan);
- (28) Rang Undang-undang Kutipan dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong (Pindaan);
- (29) Rang Undang-undang Imigeresen (Pindaan);
- (30) Rang Undang-undang Perkahwinan Sivil (Pindaan);
- (31) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
- (32) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukur (Pindaan);
- (33) Rang Undang-undang Akitek (Pindaan);
- (34) Rang Undang-undang Perbandaran (Pindaan) (No. 2);
- (35) Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur;
- (36) Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan);
- (37) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan);
- (38) Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
- (39) Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis;
- (40) Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan); dan
- (41) Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN

HOSPITAL-HOSPITAL BESAR— YUNIT RAWATAN RAPI

1. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan:

- (a) memberikan nama-nama Hospital Besar di Malaysia yang dilengkapkan dengan Yunit Rawatan Rapi; dan
- (b) menyatakan, memandangkan kepada kepentingan menyelamatkan nyawa di yunit tersebut dalam kes-kes kecemasan baik bagi rawatan perubatan mahupun pembedahan, samada beliau bercadang untuk mengambil langkah-langkah segera untuk mengadakan Yunit-yunit Rawatan Rapi di Hospital-hospital Besar yang tidak mempunyainya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Nama Hospital-hospital Besar yang ada dilengkapkan dengan Yunit Rawatan Rapi di Malaysia ialah:

(1) *Rawatan Rapi bagi semua maksud termasuk Rawatan Rapi Penyakit Jantung*

(i) Hospital Besar, Kuala Lumpur.

(ii) Hospital Besar, Johor Bahru.

(iii) Hospital Besar, Kota Bharu.

(2) *Rawatan Rapi bagi Penyakit Jantung sahaja*

(i) Hospital Besar, Pulau Pinang.

(ii) Hospital Besar, Seremban.

(iii) Hospital Besar, Melaka.

(3) *Rawatan Rapi Penyakit Buah Pinggang sahaja*

(i) Hospital Besar, Kuala Lumpur.

(4) *Rawatan Pemulihan selepas Belah sahaja*

(i) Semua Hospital Besar.

- (b) Ya, langkah-langkah telah diambil mengenai perkara ini. Satu lagi Yunit Rawatan Rapi bagi semua maksud sekarang ini sedang ditubuhkan di Hospital Besar, Alor Star dan akan

mula digunakan dalam bulan Julai, 1973. Yunit-yunit lain akan ditubuhkan di lain-lain hospital dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

JURURAWAT DI RUMAH SAKIT DAERAH—KEKURANGAN

2. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan bilangan jururawat yang bertugas di waktu malam di rumah-rumah sakit terutama sekali di Rumah-rumah Sakit Daerah di mana seorang jururawat bertugas meliputi beberapa wad dan juga memberi rawatan kepada pesakit-pesakit dalam kes-kes kemalangan di waktu malam, dan jika ya, samada beliau akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi kekurangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, ya, saya sedar tentang kekurangan bilangan jururawat dan saya telah menyatakan pada beberapa kali di atas langkah-langkah yang positif yang sedang diambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi kekurangan ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya dapat mengikuti penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada beberapa waktu yang lalu bahawa banyak daripada jururawat-jururawat yang ada di luar negeri akan dipanggil pulang ke tanah air, setakat ini berapa orangkah di antara jururawat-jururawat kita di luar negeri yang telah sampai di tanah air dan berapa orang dijangka bersedia untuk menerima perawatannya di Malaysia?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, jawabnya setakat ini ada 139 orang jururawat-jururawat yang terlatih di negeri-negeri seberang laut telah balik ke negeri kita dan berkhidmat di hospital-hospital di Malaysia pada hari ini. Saya berharap pada tahun ini lebih daripada 200 orang lagi akan balik ke negeri kita untuk berkhidmat di hospital-hospital yang ada sekarang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Untuk mengurangkan kekurangan jururawat-jururawat di hospital-hospital, apakah Kementerian ini mempunyai tugas yang ada

sekarang ini mendidik ataupun memberi latihan kepada bakal-bakal jururawat-jururawat di tanah air kita dan jikalau ada berapakah jumlahnya yang akan keluar dengan jangka waktu yang pendek?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah telah diambil dalam beberapa segi, yang pertama menambahkan pengambilan penuntut-penuntut latihan.

Yang kedua, meluaskan sekolah-sekolah latihan yang ada sekarang dan menambah tiga buah hingga lima buah pada tahun ini dan juga pada tahun hadapan. Dan juga telah diambil langkah-langkah untuk melantik lebih lagi guru-guru yang dilatih di Universiti Hospital sekarang. Jadi dengan ini, kita berharap pada tahun 1975 atau 1976 kekurangan jururawat-jururawat ini akan dapat diatasi.

RUMAH SAKIT DAERAH—MEMBINA

3. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) rancangan-ancangan yang telah ditimbang dan diluluskan pada masa sekarang untuk membina (a) rumah-rumah sakit daerah di seluruh Malaysia, dan (b) anekaklinik di rumah-rumah sakit di seluruh Malaysia;
- (ii) bilangan anekaklinik di Hospital-hospital Besar pada masa sekarang dan bilangan Hospital-hospital Besar yang akan dilengkapi dengan anekaklinik pada masa akan datang; dan
- (iii) kejayaan yang telah tercapai untuk membina sebuah Rumah Sakit Daerah di Muar dan bilakah sebuah anekaklinik akan ditubuhkan di rumah sakit tersebut.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di Pertua, di sini saya suka menerangkan sedikit iaitu saya nampak satu perkataan "regional" telah diubah dengan perkataan daerah. Soalan yang saya hantar itu ialah perkataan "regional" dan bukan "daerah", dan Hospital Daerah adalah berbeza dengan Hospital Regional. Hospital Regional, sebenarnya saya tidak dapat hendak menggunakan perkataan dalam Bahasa Malaysia, perkataan Inggerisnya "regional" maknanya sebuah hospital besar yang besar daripada Hospital Daerah.

Tuan Yang di Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat itu maknakan iaitu "daerah" itu "district" dalam bahasa Inggeris, dan regional itu lain?

Dr Lim Ah Sitt: Saya tulis dalam soalan itu Hospital Regional.

Tuan Yang di Pertua: Dalam satu-satu kawasan yang lebih besar, adakah begitu?

Dr Lim Ah Sitt: Saya tulis dalam soalan asal saya ialah Hospital Regional, manakala saya dapat catitan di sini ialah Hospital Daerah, itu salah; tidak sama.

Tuan Yang di Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat faham bahawa daerah itu district dalam bahasa Inggeris?

Dr Lim Ah Sitt: Daerah tidak sama dengan regional.

Tuan Yang di Pertua: Bukan District Hospital, tetapi Regional Hospital iaitu dalam satu kawasan yang lebih luas?

Dr Lim Ah Sitt: Ya.

Tuan Yang di Pertua: Dapatkah Yang Berhormat Menteri menjawabnya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedang mengadakan rancangan untuk mengadakan Hospital Regional di Malaysia Barat dan Malaysia Timur. Pada masa yang akan datang bila sesuatu rancangan kita siap, Kementerian saya akan membuat announcement apabila sampai masanya kelak.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sekarang ini kita mempunyai Hospital-hospital Daerah. Soalnya sekarang ini, adakah hendak dibena Rumah-rumah Sakit Regional itu yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah konsep ini diterima oleh Kementerian yang hendak membuat satu hospital bagi satu region yang lebih besar daripada bentuk daerah, dan kalau sudah diterima agaknya, bilakah rancangan ini akan dijalankan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, soal konsep Regional Hospital ini telah diterima oleh Kementerian saya dan juga Regional Hospital ini bukanlah soal mendirikan bangunan-bangunan hospital

baharu. Kita akan menggunakan misalnya Hospital Pulau Pinang yang akan dijadikan satu Hospital Regional untuk menjaga kawasan di Utara dan juga Hospital Johor Bahru, misalnya menjadi sebuah hospital regional untuk kegiatan kawasan selatan, Kuala Lumpur dan sebagainya untuk menjaga pertengahan Malaysia Barat dan juga di Kota Bharu dengan sebuah hospital besar menjadikan Regional Hospital di Pantai Timur pada masa yang akan datang dan juga di Kuching dan Sabah.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya bawa perkara ini kerana saya dapat tahu iaitu Muar Hospital

Tuan Yang di Pertua: Adakah ini sebagai soalan tambahan?

Dr Lim Ah Sitt: Ya soalan tambahan.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di Pertua, saya dapati Hospital Regional ada di dalam rancangan yang akan didirikan di Muar, jadi saya hendak tahu, bila?

Tuan Yang di Pertua: Hendak tahu bila, itu soalnya.

Dr Lim Ah Sitt: Hospital Regional ada di dalam rancangan Kementerian Kesihatan dan bila Regional Hospital ini akan didirikan—itu sahaja.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Hospital Daerah di Muar ini akan digantikan dengan sebuah hospital yang baharu pada masa akan datang dan juga sebuah poly clinic akan didirikan pada pertengahan tahun ini. Jadi samada District Hospital di Muar itu menjadi sebuah Hospital Regional, ini sedang diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi diterangkan bahawa Hospital di Pulau Pinang itu yang sekarang bergelar Hospital Besar Pulau Pinang akan diturunkan darjatanya kepada Hospital Regional sebelah Utara. Adakah dengan menurunkan tingkatan ini daripada Hospital Utara daripada Hospital Pulau Pinang meletakkan hospital itu akan kurang facilitiesnya di dalam hospital itu atau dengan dinaikkan pangkat Hospital

Daerah sekarang ini dipanggil atau akan dipanggil dengan Hospital Regional akan meninggikan taraf Hospital Daerah itu menjadi taraf suatu Hospital Regional?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu kurang faham apakah konsep Hospital Regional. Yang sebenarnya, hospital regional ini untuk menjaga satu kawasan yang besar lagi, misalnya Hospital Besar Pulau Pinang sekarang ini cuma menjaga pesakit-pesakit di negeri Pulau Pinang tetapi apabila dijadikan Hospital Regional akan dapat menjaga penduduk-penduduk yang bukan dari Pulau Pinang sahaja, tetapi juga daripada Alor Star, Sungai Patani dan juga Kangar, jadi ini untuk meluaskan lagi, bertambah lagi. Ini sebenarnya bukan merendahkan taraf atau meninggikan pangkat.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tadi saya ada dengar Yang Berhormat Menteri menerangkan Hospital Regional bagi Pantai Timur akan didirikan di Kota Bharu. Bolehkah saya bertanya, apakah yang menyebabkan Kementerian Yang Berhormat itu memilih Kota Bharu untuk Hospital Regional, sebab setahu saya Pantai Timur, negeri yang di tengah-tengah ialah Trengganu, tetapi semenjak akhir ini semua projek yang besar-besaran ditujukan ke Kota Bharu, apa sebabnya perubahan semenjak satu dua bulan ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu daripada negeri Trengganu, tetapi dari segi dasar Kementerian saya ini ialah bukan menjaga satu kawasan atau satu Negeri dan sebagainya, akan tetapi menjaga orang-orang bagi satu kawasan yang paling besar bilangan atau penduduk yang paling besar. Jadi dengan inilah barangkali Ahli Yang Berhormat tahu penduduk-penduduk di negeri Trengganu adalah kurang sedikit daripada penduduk-penduduk di negeri Kelantan.

LAWATAN KE NEGARA TETANGGA

4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat bersedia mengelolakan suatu lawatan ke negara-negara tetangga kita termasuk Negeri Cina dalam tahun 1973 oleh rombongan muhibbah yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya tidak berapa setuju terhadap lawatan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu kecuali jikalau lawatan itu mempunyai tujuan yang lebih tepat, umpamanya, untuk mengkaji cara-cara pemerintah ataupun rancangan-rancangan pembangunan negara-negara tetangga kita. Walaubagaimanapun, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kemukakan satu-satu permintaan dan Kerajaan akan menimbangkan mengikut kebaikan atau merit tiap-tiap permintaan itu.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri ini tahu atau tidak bahawa negeri-negeri lain seperti Canada, Britain selalu mereka menghantar Members of Parliament mereka keluar negeri untuk study tour dan lain-lain. Kalau negeri besar-besaran berasa baik perbuatan itu, kenapakah kita Malaysia berasa tidak baik. Saya fikir sangat elok dan patut dihantar Ahli-ahli kedua-kedua Dewan Negara dan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa pergi ke negeri-negeri, tambahan pula negeri-negeri yang baru seperti negeri Cina supaya kita dapat tahu akan kejadian di tempat itu.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya sedar iaitu negara-negara lain yang besar telah membuat lawatan yang seperti ini sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi saya rasa bukanlah kita patut meniru negara-negara lain jikalau negara lain itu membuatnya. Mungkin, Tuan Yang di Pertua dan Ahli Yang Berhormat itu bersetuju dengan saya, iaitu ada perkara yang mungkin sesuai kepada negara itu dan juga ada perkara yang tidak sesuai kepada negara itu dan sama juga dengan negara kita. Seperti pepatah mengatakan, ada kalanya makanan itu menjadi racun kepada setengah orang tetapi sebaliknya menjadikan sejenis ubat pula kepada orang lain. Jadi, tidaklah boleh dibandingkan bahawa satu-satu perkara itu yang baik kepada satu negara boleh juga menjadi baik kepada negara kita.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, saya hairan bagaimana satu perkara menghantar Ahli-ahli Parlimen ke

luar negeri itu tidak baik—itu yang saya hairan. Kenapa menghantar Ahli-ahli Parlimen pergi ke satu-satu tempat itu tidak baik, kerana kalau kita menghantar Ahli-ahli Parlimen itu ke sesuatu tempat mereka akan dapat tahu begitu begini. Oleh sebab itu, saya kata patutlah Kerajaan menghantar Ahli-ahli Parlimen ini daripada satu negeri ke satu negeri, bukanlah semua negeri.

Tuan Yang di Pertua: Soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu, kenapakah tidak patut?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Patut Kerajaan menghantar Ahli-ahli Parlimen pergi dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Itulah soalan tambahannya.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, perkara ini saya telah jawab dan saya rasa saya tidaklah bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kalau Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi itu memohon meminta kepada Yang Berhormat Menteri kerana hendak melawat negeri Cina sebulan misalnya kerana beliau pun dekat-dekat macam orang itu juga (*Ketawa*), adakah Yang Berhormat Menteri bersedia menimbangkan pemergiannya ke sana?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, boleh ditimbangan (*Ketawa*).

KERANI TINGKATAN KHAS— LAPURAN SUFFIAN

5. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan terutama Kerani-kerani Tingkatan Khas (Penyandang) yang memilih Laporan Suffian menerima gaji kurang daripada apa yang mereka telah terima di bawah tanggagaji lama, dan jika ya, samada Kerajaan akan membaiki tanggagaji mereka.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya sedar bahawa ada sebilangan kecil kakitangan-kakitangan Kerajaan seperti Kerani-kerani Tingkatan Khas (Personal to holder) yang mengalami sedikit

kekurangan gaji di peringkat gaji maxima apabila memilih tanggagaji Suffian. Walau-bagaimana, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji perkara-perkara seperti ini. Tuan Yang di Pertua, Jawatankuasa Khas dijangka akan menyiapkan laporannya pada akhir bulan ini oleh kerana Kerajaan belum lagi mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Khas yang dimaksudkan itu, maka tidaklah wajar bagi saya untuk memberikan apa-apa jaminan setakat ini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, saya ingin untuk menambah sedikit soalan, iaitu adakah Kerajaan sedar tentang gaji Tentera yang juga mengikut susunan baharu-baharu ini ada yang mendapat hadiah yang lebih, tetapi pencen sudah bertambah kurang dan ini mereka berasa tidak berapa senang. Adakah Kerajaan akan mengkaji balik perkara ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, jauhnya soalan ini macam bumi dengan langit—tidak kena-mengena dengan soalan asal.

MENGIKTIRAF KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT CINA

6. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengiktiraf Kerajaan Negeri Cina dalam tahun 1973.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, Malaysia telah mengiktirafkan Kerajaan Republik Rakyat Cina sebagai Kerajaan “de facto” dan “de jure” bagi negeri Cina. Hanya tinggal soal mengujudkan hubungan diplomatik sahaja. Saya telahpun menerangkan beberapa kali di Dewan ini dan juga Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telahpun menerangkan di atas pendirian kita, negara kita terhadap perkara ini.

BUKU-BUKU TEKS PERCUMA

7. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada Kerajaan akan menyediakan buku-buku teks percuma kepada murid-murid sekolah rendah; dan

- (ii) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan pengusaha-pengusaha buku-buku teks sapu dan nyatakan kejayaan yang telah dicapai.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama ialah pada masa ini Kerajaan tidak dapat menimbangkan memberi buku-buku teks percuma kepada semua murid-murid sekolah rendah oleh kerana beberapa sebab. Walaubagaimanapun, Kerajaan sememangnya ada memberikan buku-buku teks pada tiap-tiap tahun kepada murid-murid sekolah rendah secara pinjaman, tetapi tidaklah kepada semua murid-murid sekolah itu. Pada tahun ini misalnya peruntukan sebanyak \$1.2 juta telah dibuat dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian saya bagi maksud bantuan buku-buku teks kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah. Selain daripada Kementerian Pelajaran, Jabatan Perdana Menteri juga ada memberikan bantuan buku-buku teks ini.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan soalan yang kedua, saya dukacita tidak dapat memberi jawapannya pada hari ini disebabkan jawapan ini masih disiapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya memohon kebenaran Dewan ini menjawabnya pada esok hari.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sedikit sebab-sebab kekurangan buku-buku teks di pasaran yang berlaku baharu-baharu ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Perkara ini boleh saya menjawabnya, tetapi oleh kerana perkara ini tidak ada berkaitan dengan soalan ini, saya minta maaf.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kerajaan sudah bersedia untuk memberikan buku-buku teks percuma walaupun tidak semuanya kepada sekolah-sekolah, tetapi dapatlah Yang Berhormat Menteri menyatakan di sini bahawa buku-buku teks itu telah sampai ke sekolah-sekolah yang ditentukan itu pada waktunya atau dia telah lewat daripada waktunya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, setahu saya bagi amnya buku-buku itu telah sampai ke sekolah-sekolah pada waktunya. Boleh jadi harus ada juga barangkali sekolah-sekolah, yang terlewat menerima buku-buku teks itu kerana sekolah-sekolah di negara kita sangat banyak dan ada tempat-tempatnya yang terpencil, dan ini menimbulkan kesulitan dalam pembahagian buku-buku tersebut.

MAS—PEMBELIAN MINYAK DARI SINGAPURA

8. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah minyak yang telah dibeli oleh MAS dari Republik Singapura dan Malaysia semenjak ia memulakan perkhidmatannya sehingga akhir bulan Januari, tahun 1973.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, oleh kerana kira-kira berkenaan dengan jumlah minyak kapal terbang (aircraft fuel) yang digunakan oleh MAS dibuat dalam masa 6 bulan sekali, maka adalah sukar hendak menentukan jumlah yang sebenarnya digunakan oleh Syarikat MAS. Walaubagaimanapun, anggaran jumlah minyak yang digunakan oleh MAS semenjak ia memulakan perkhidmatannya pada 1hb Oktober, 1972 adalah seperti berikut:

(i) Di Singapura ...	43,100	gelen/se-
		bulan.
(ii) Malaysia ...	1,000,000	gelen/se-
		bulan.

GULA—KEKURANGAN

9. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apakah faktor-faktor yang mengakibatkan kekurangan gula baru-baru ini; dan
- (ii) sebab-sebab Kerajaan memasuki Perjanjian Gula Antarabangsa pada penghujung tahun 1972 pada hal dalam bulan Mei, 1972 didapati tiada ada faedah memasuki Perjanjian Gula Antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan soalan—

- (i) Kekurangan gula yang dikatakan berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor antarabangsa dan dalam negeri.

Dari segi antarabangsa, kekurangan bekalan gula dalam pasaran dunia baru-baru ini ialah kerana pengeluaran gula di dunia telah tiada dapat memenuhi keperluan terhadapnya. Anggaran pengeluaran gula bagi tahun-tahun 1972/1973 ialah 76 juta ton metrik, manakala penggunaan dijangka berada dalam lingkungan 78 juta ton metrik. Kedudukan bekalan gula adalah bergantung kepada kedudukan pengeluaran di negara-negara pengeluar yang utama. Pada amnya tanaman tebu dan beet tidak begitu baik dalam masa 2 tahun kebelakangan ini dan menyebabkan setengah negara-negara yang pada kebiasaannya mengekspot gula telah terpaksa mengimpot bahan tersebut dari pasaran dunia. U.S.S.R. umpamanya yang pada kebiasaannya mengekspot kira-kira 1 juta ton gula telah mengimpot kira-kira 1.5 juta ton gula dari pasaran dunia pada tahun lepas.

Dari segi keadaan dalam negeri pula, kekurangan gula yang dikatakan berlaku baru-baru ini telah disebabkan oleh perbuatan menyorok gula yang dilakukan oleh beberapa pemborong yang menyangkakan harga gula akan naik. Perbuatan menyorok itu menjadi nyata selepas harga gula mentah dunia telah meningkat £103 satu ton dan harga borong sebanyak \$690 satu ton dan harga runcit 45 sen satu kati di negeri ini tidak lagi setimbang dengan harga gula yang tinggi di pasaran dunia. Spekulasi terhadap harga pasti akan naik telah menggalakkan perbuatan menyorok gula dan ini telah mengakibatkan sekatan jualan oleh segulungan pemborong yang telah mengurangkan kuantiti gula yang boleh dibeli oleh penjual runcit dan pengguna-pengguna. Bersaingan dengan ini, musim perayaan telah menambahkan

keperluan gula sebanyak 10% lebih daripada biasa dan ini telah memburukkan lagi keadaan Penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh Kementerian saya menunjukkan bahawa bekalan gula yang ada adalah lebih dari mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam negeri dan stok yang mencukupi juga terdapat di kilang-kilang penapis gula. Dengan itu kekurangan itu adalah kekurangan yang dibuat-buat dan Kementerian saya telahpun mengumumkan dengan tegas bahawa tidak ada perubahan harga gula dalam negeri.

- (ii) Malaysia bukan sebuah negara pengeksport gula dan dengan itu ianya hanya boleh menjadi anggota Perjanjian Gula Antarabangsa sebagai "anggota pengimpot". Sebagai anggota pengimpot, Malaysia mempunyai beberapa tanggungan terhadap perjanjian tersebut. Tanggungan-tanggungan ini dapat menyekat pergerakan Malaysia dalam pasaran gula dunia apakala harga gula jatuh kurang daripada US\$5.25 sen satu paun. Penilaian dalam bulan Mei 1972, menunjukkan sekatan ini mungkin timbul jika Malaysia menjadi anggota Perjanjian di masa itu.

Kerajaan telah meneliti perkembangan gula di dunia dan dengan adanya gambaran kedudukan gula yang lebih terang pada hujung 1972, nyatalah bahawa sekatan tersebut tidak akan timbul sekurang-kurangnya dalam jangka masa sebelum Perjanjian Gula Antarabangsa yang ada sekarang berakhir pada 31hb Disember 1973. Bersaingan dengan perkembangan ini, beberapa negara-negara pengeluar gula yang terbesar telah membayangkan kepada Malaysia bahawa keanggotaan Perjanjian Gula Antarabangsa akan membolehkan mereka menawarkan gula kepada Malaysia atas syarat yang lebih menarik.

Malaysia menjadi anggota Perjanjian tersebut pada masa yang sesuai baginya dan juga bagi lain-lain anggota Perjanjian itu. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa selepas Malaysia menjadi ahli, ia telah menandatangani perjanjian jangka panjang bekalan gula dengan Australia dan Fiji.

Sekali lagi saya ingin memastikan pada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya meneliti keadaan gula dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempasti bekalan gula yang mencukupi di negeri ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada sebab-sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang permainan yang dibuat oleh peniaga-peniaga gula itu, adakah Kerajaan bercadang hendak menjalankan satu kempen supaya rakyat kurangkan makan gula dengan berasas kepada nasihat-nasihat doktor yang mengatakan gula ini boleh menyebabkan penyakit kencing manis dan juga boleh menaikkan badan seseorang itu menjadi gemok, tidak slim. Adakah ini boleh dijadikan satu asas untuk dijalankan satu kempen supaya rakyat kurangkan kegunaan gula? Dengan kekurangan yang seumpama itu barangkali baharulah dapat kita stablekan kedudukan gula dalam negara kita ini.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, gula ini banyak gunanya. Kalau kita tak makan gula juga diketahui bahawa badan kita tak kuat. Jadi saya takut kalau saya kata hendak mulakan kempen itu nanti Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan inipun tak begitu kuat dengan tak cukup gula dalam badan (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Setiap kali kekurangan gula berlaku di negara kita ini yang disebut-sebut kekurangan, maka Kementerian telah mengatakan bahawa persediaan gula dan simpanan gula kita cukup bagi beberapa tahun di negara kita seperti mana yang telah pun kita dengar jawapannya daripada Yang Berhormat Menteri. Nampaknya kekurangan gula di negara kita ini tidaklah benar-benar berlaku. Yang benar berlaku ialah cara pengedar-pengedar gula ataupun taukeh-taukeh ataupun saudagar-saudagar yang hendak mencari keuntungan daripada tingginya harga gula yang diimpot ataupun harga gula yang di luar negeri yang diimpot masuk ke negara kita ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang sebenarnya melakukan kesalahan-kesalahan ini dan kalau ada telah diambil tindakan, adakah tindakan itu hanya mencari kedai-kedai runcit di Kampung

Bahru dan di Kampung Datuk Keramat di mana orang hanya menyimpan dua tiga kati gula dan di sana pegawai-pegawai yang menangkap mereka ini tidak kepada penjual-penjual, pemborong-pemborong yang besar yang menggunakan atau menyediakan gula yang bertan-tan, dan kalau sekiranya ada kepada pembekal gula yang bertan-tan itu, berapakah jumlah mereka yang telah ditangkap dan berapakah jumlah orang-orang kampung ataupun pekedai-pekedai kecil yang telah ditangkap disebabkan oleh kekurangan gula ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, apa juga tindakan yang hendak diambil dari segi Kementerian saya di dalam soal ini adalah bergantung kepada bukti-bukti dan laporan-laporan yang tiba di tangan kita. Dari segi tindakan, saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian saya dengan tegasnya telah menjalankan tindakan yang tertentu menangkap mereka yang didapati menyorok gula, tak kira samada penyorok itu suatu peniaga yang besar ataupun peniaga kecil di mana-mana juga. Tetapi kalau mengikut daripada angka-angka yang telah diberi oleh Kementerian saya melalui akhbar-akhbar baharu-baharu ini terutama sekali dalam masa seminggu saya telah memberi amaran kepada peniaga-peniaga gula supaya menjualkan gulanya, saya boleh nyatakan bahawa beberapa pekedai-pekedai dan peniaga-peniaga telahpun ditangkap dan dibawa ke mahkamah. Saya minta maaf tidak dapat memberi angka yang tertentu, oleh sebab ini berkehendakkan notis.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan kepada Dewan ini iaitu:

- (i) Apakah kedudukan yang sebenarnya berkenaan dengan barang yang utama ini;
- (ii) Apakah jaminan yang Kerajaan telah terima daripada kilang-kilang gula bersangkutan dengan cukupnya bekalan-bekalan itu; dan
- (iii) Apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil bagi memeriksa dan mempastikan kilang-kilang gula bukan sahaja menyediakan tetapi juga melipat gandakan pengeluaran untuk menampung kehendak-kehendak dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua: Adakah Yang Berhormat Menteri berkehendakkan notis?

Tuan Musa Hitam: Tidak payah, Tuan Yang di Pertua, ini sudah dijawab.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan terhadap bahagian pertama soalan ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa salah satu faktor yang mengakibatkan kekurangan gula ini bukannya dengan sebab kedudukan monopoli pengusaha atau penapis gula yang ada di negara kita ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya mengesahkan.

Datuk S. O. K. Ubaidullah: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri biakah hasil keluaran gula dari tanaman di negara kita mencukupi bagi keperluan negara kita?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, minta maaf dari segi tepat bila hasil hendak keluar saya tak dapat hendak menjawab sekarang, tetapi saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa seperti mana yang telah dihebahkan baharu-baharu ini termasuklah dua tiga hari yang lepas, insya Allah dalam negeri kita ini di dalam beberapa tahun lagi, kalau, dan apabila rancangan-rancangan tanaman gula telah selamat dilaksanakan dengan berjayanya di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Johor, Negri Sembilan dan di Kelantan yang akan dimulakan, insya Allah soal ini akan dapat diatasi.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perjanjian yang telah dibuat dengan Australia dan Fiji supaya kita dapat bekalan gula pada masa yang akan datang. Adakah perjanjian itu bermakna bahawa harga gula tidak akan naik dan kita akan dapat cukup gula pada tiap-tiap masa pada masa yang akan datang dan juga adakah perjanjian itu bermakna bahawa gula itu akan diimpor melalui satu-satu saluran yang tertentu?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli yang Berhormat, perjanjian di antara Malaysia dengan Australia dan Fiji itu cuma meliputi

½ sahaja daripada keperluan gula di dalam negeri ini. Jadi itu akan menentukan bahawa sekurang-kurang sebanyak itu gula akan didapati di negeri kita ini, selain daripada hasil daripada tanaman dalam negeri. Oleh sebab itu, kita tak boleh mengatakan oleh sebab kita telah menanda-tangani perjanjian itu, maka harga gula tidak naik. Ini tidak realistik. Tuan Yang di Pertua, dan tidak mengikut prinsip ekonomi mengenai supply and demand.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengesahkan bahawa kenaikan harga gula oleh kerana ada monopoli daripada pedagang-pedagang yang tertentu dan beliau telah mengesahkan inilah sebab-sebabnya kenaikan harga itu atau spekulasi gula di tanahair kita. Apakah Menteri itu atau Kementerian yang berkenaan ini hendak berpindah ataupun akan pindah untuk memecahkan monopoli gula itu supaya tidak berlaku lagi spekulasi seperti yang kita dengar?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya minta maaf dengan Ahli Yang Berhormat itu, oleh sebab apa yang dikatakannya itu semata-mata interpretasi ataupun pentafsirannya sendiri di atas jawapan dan soalan daripada Ahli Yang Berhormat tadi tak betul.

Dr Mahathir bin Mohamed: Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan yang kedua, iaitu samada perjanjian itu bermakna bahawa gula akan diimpor masuk ke dalam negeri ini oleh Kerajaan sendiri ataupun mengikut pedagang-pedagang biasa yang selalu menguasai pasaran gula di Malaysia ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, tidak dengan jalan itu sahaja.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya tak faham jawapan itu kerana pendek sangat sebagai Ahli yang mendengarnya.

Tuan Yang di Pertua: Tujuan Ahli Yang Berhormat itu minta penjelasan yang lebih tepat?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Jawapan itu pendek sangat jadi saya mahu panjang sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Yang di Pertua: Tolong panjangkan.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, kalau tak salah saya soalan tadi bertanya, adakah perjanjian di antara Malaysia dengan Australia dan Fiji itu bermakna bahawa kita akan dapat gula daripada satu saluran sahaja. Saya minta Ahli itu membuat satu soalan lagi sekali.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya ingin tahu samada Kerajaan akan mengimpot gula itu sendiri atau Kerajaan akan memberi kuasa kepada pedagang-pedagang yang menguasai pasaran gula dalam Malaysia ini untuk mengimpotkannya?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, kedua-keduanya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kalau sekiranya Kerajaan menjalankan kedua-dua sekali, yang kedua itu syarikat mana yang biasa mengimpot gula? Kalau ada syarikat yang pernah membawa masuk, apakah nama syarikat itu, nama taukeh itu, tolong terangkan supaya dapat kita dengar siapa yang sebenarnya mengimpot gula itu?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalan itu tepat sangat, saya berkehendakkan notis.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan salah satu daripada faktor itu tidak disebabkan oleh kerana apa yang digelarkan dalam bahasa pasar "paper sugar"?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, minta sekali lagi diulang soalan itu?

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, apa yang saya suka bertanya ialah salah satu daripada faktor yang mengakibatkan kekurangan gula itu bukan dengan sebab apa yang dikatakan dalam bahawa pasar "paper sugar"?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya boleh jawab, pendek sahaja—"bukan".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di

Pertua, Rang Undang-undang ini sebagai-mana Majlis ini maklum telah dijelaskan kandungan-kandungannya dan tujuan-tujuannya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya.

Selain daripada itu, segala dokumen-dokumen yang bersabit dengan Rang Undang-undang ini telah juga dibentangkan ke dalam Majlis ini untuk pengetahuan dan tatapan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebagai penjelasan tambahan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah juga memberi penerangan yang lebih lanjut dalam ucapan gulungannya sedikit hari dahulu. Oleh yang demikian saya rasa tidaklah payah saya memberi ucapan lagi dalam perkara yang sama ini.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk S. O. K. Ubaidullah: Tuan Yang di Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Ucapan Ahli Yang Berhormat adakah panjang atau pendek, kalau tak dapat dalam bahasa Melayu?

Datuk S. O. K. Ubaidullah: Tak Panjang. (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di Pertua, I have great pleasure in welcoming the Supply Bill before us. Speaking generally, I would like to take this opportunity to confine my observations to some of the important topics that are considered necessary to observe on this occasion.

Sir, the present inflationary tendency has become a matter of great concern to the Government and the people.

During the years of the late sixties our success in holding the prices of consumers items was unique. We were able to avoid imported inflation by shifting sources of purchase and increasing our domestic production. The years 1969 and 1972 had been years of world-wide inflation. The rise in food prices to a certain extent was due to increase in world prices.

It is true that there are very few real shortages in our country and in some cases there were very deliberate artificial shortages

created by rumours which could lead to profiteering. Seasonal influences can be one of the causes for the increase in the last few months. However, the alarming price spiralling in the past month cannot be dismissed as a seasonal increase or as a temporary phase. Furthermore, we should not hesitate to investigate the effect of recent taxation changes as they cannot but reflect on consumer price level.

Sir, the present inflation must be checked by tough and new economic control embodying pay and price curbs. Inflation and economic slow down led to President Nixon's economic programme in the United States and more recently to the wage-freeze policy in Britain. We also should aim at increased domestic savings and re-arrangement of priorities. Stringent Government enforced curbs should be continued until inflation comes down to a reasonable level.

Measures like price tagging and requiring industries that receive Governmental protection to obtain approval before they can raise prices could keep a check on the domestic prices. The task ahead of controlling inflation is not going to end soon. The fight against inflation should continue for a long time to come by introducing, if necessary, anti-inflationary legislation.

Temporarily, we should ban the export of chicken and animal feed. Restriction should also be imposed on the export of fish, prawns and other food items to help bring down the level of inflation. The export earning of all these items is not so vital to the nation when the scarcity of such commodities for local consumption has contributed to the inflation of food prices. Sir, this suggestion to cut down the export of foodstuffs is not unrealistic and what we would lose in export earnings would be many times made good by the expected stabilization of the rubber price around 110-cents per kilo mark this year.

Introducing the First Malaysia Plan in the year 1965, Tun Abdul Razak, then the Deputy Prime Minister, said, "If bold measures are not taken to step up the development of this nation's human resources immediately, the deficiency of skilled man-power will continue to plague us far into the future".

Sir, I am sorry to say that we have not avoided this predicament even after eight

years. The high priority given in the First Malaysia Plan for Education and Training does not appear to have brought us anywhere near the goal. Re-fashioning of our Education has not caught up with our growth. Our problem is not capital, not man-power, but skill.

We need increasing numbers of teachers, agricultural specialists, engineers, technicians, economists, doctors and administrators. Sir, we are also facing a shortage of skilled workers and I am afraid soon it would become very grave. We need Ungku Umar Polytechnic type of schools in every State. The Government construction workers' apprenticeship scheme is insufficient to meet the demand. The contemplated institute to train apprentices in metal and motor repair work would only train 60 persons. Training in essential skills given by the pioneer volunteer corps is good, but it is not up to the level needed by some industries.

The present low level output of skilled and trained man-power without any doubt would affect the rate of economic progress in this country. The situation really is very serious and we should undertake a crash programme on the lines of the pioneer volunteer corps.

Sir, a good number of institutions of higher learning are crowded within the Federal Capital. Very soon the Tengku Abdul Rahman College will be built in Ulu Klang. Situating twelve to fifteen thousand students of higher learning within 12 miles radius of the City of Kuala Lumpur is not only politically unhealthy but educationally unsound. City life often distracts students from their concentration on studies. Even the benefit of residential education would be disturbed by the political and social attractions of a city life.

Universities in the rural areas would attract scholars and graduates from all over the country and from abroad. The students would have a congenial atmosphere to dedicate to their studies. We need, Sir, more regional institutions and the siting of the University Kebangsaan in Dengkil is a farsighted and progressive step. University education must be made inexpensive so that students with poor means would have the opportunity of taking to higher learning. There are at the moment only 1% of our population in the higher institutions of

learning. We must make the higher institutions of learning serious places for study. All amusements and entertainment within the campus should be inter-related to learning and sports. Too much of fashion show, late night dances, ragging and similar diversions have shaken the faith of the parents. Students who should be engrossed in their studies and healthy sports are talking about becoming "Frust" and hurling accusations of "Jual Murah" and "Jual Mahal". These are symbolic of the casual manner in which some of our students are pursuing their university education.

In the year 1963, we voted a sum of about \$20 million for our defence. Now, within 10 years, we are spending \$680 million, which is almost \$1.9 million per day. Armed forces are very expensive to maintain. Unless their expansion is well planned and carefully executed they can easily swallow a large share of the nation's income.

Many developing countries have been taken for a ride by unscrupulous armament making countries. Some countries have been supplied with equipment unsuited to the needs of their armed forces. Some have received military hardware that would become obsolete before long. In some cases, the supplying countries, without giving adequate training, sold tanks and planes that are sophisticated and difficult to operate, resulting in untold loss of money and men to the recipient countries. After-sales service and spare parts were also denied to some countries leading to mothballing expensive military hardware. Some countries have the habit of repainting obsolete armaments and selling them to countries that need their aid or have some tie or other.

Sir, though we are determined to see that Malaysia is securely defended and would not be reluctant to vote necessary funds for our defence, we should not allow careless and extravagant expenditure. I am glad to learn that our Armed Forces have set up a Committee to supervise the testing and buying of equipment and armament for its Units. We hope that this Committee would exercise the greatest care and closest scrutiny before ordering all items and would not hesitate to learn by the mistakes of the other countries.

Sir, Army, Navy and Air Force are a national necessity and they perform their duties during war and peace time. They can also undertake extra duties, essential and otherwise, so that they may serve the nation during war and peace time. As a matter of fact, our Army has done a very good job during the floods and other calamities by offering their services. A deployable section of the Army should function under the name of National Service Brigade. Such a National Service Brigade should undertake peace time duties like vegetable and padi farming, engineering and construction works, build bridges and dams, lay roads and run Naafi stores. In this way, they can help the country and at the same time learn a trade to become handy when they retire. I hope this thought will receive due attention from the appropriate quarters.

Sir, the time has arrived to take a close look at foreign joint ventures. Joint ventures are not merely to attract funds from abroad. We have adequate domestic funds. Many of our companies that went public faced astounding response from investors. We should invite only such foreign investment that would allow domestic capital to participate more effectively in up-to-date technology and marketing methods. We must end the practice of foreign companies preventing their Malaysian branches from exporting their products so that we may be able to pay for our country's economic growth by increasing exports.

Companies registered in the United Kingdom still continue to control rubber and tin companies in Malaysia. This would have been all right during colonial days. It is 15 years since Malaysia has become an independent and sovereign state. A few progressive companies, respecting the dignity of this country, transferred their residence control and management to Malaysia. I appeal to the other companies who have not done so to end the anomaly as soon as possible.

Figures for tourism in the year 1971 showed that 762,000 tourists visited Malaysia. Over 80% of them came from Asian countries. Over 75% of them came by road and rail. This means most of them came from Thailand and Singapore. These figures do not include commuters from Singapore. It is apparent only 20% out of 762,000—that

is 152,400 people—came from overseas. In this figure we should also include the Indians, Pakistanis, Ceylonese and other Asian tourists. Thus the people who came from countries of higher income would roughly be around 100,000. Tourists from Asia, except from Japan, do not have much spending power. If my working is correct, the tourists attracted up to 1971 is deplorable and disappointing. All our relentless and painstaking efforts for the past one decade to bolster tourism has only produced a trickling success.

The Honourable Deputy Home Affairs Minister, while recently visiting the Immigration Department, stated that more than three million tourists and other visitors came to Malaysia last year. He also said that this figure was an increase of one million compared with the 1971 figure. This statement does not separate other visitors from tourists. As such, I could not comment on this statement. However, we hope that 1972 was a better year for our tourism.

Tourist promotion cannot be adequately developed by the efforts of a Government agency alone. The private sector should put its shoulder to the wheel to speed up tourism. I request the Tourist Corporation to muster the co-operation of the private sector to attract tourism at all levels. For instance, Sir, if the Tourist Corporation would print highly fascinating leaflets with magnetic features about Malaysia, many private companies would buy them with their names superimposed so that they may freely channel them in their mails and distribute them to their overseas contacts.

There could be many more joint efforts with the private sector by the Tourist Corporation to promote tourism so that Malaysia may at least enjoy its legitimate share with her neighbouring countries.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka menyentuh berbagai-bagai perkara di dalam Bil ini.

Kepala B. 1—Parlimen—

Sudah sampai masanya Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara merayu kepada

Kerajaan supaya elaun Ahli-ahli kedua-kedua Dewan ini dinaikkan dua kali ganda untuk menjaga taraf Ahli-ahli ini, kerana segala kakitangan-kakitangan Kerajaan guru-guru dan tentera telah dinaikkan gajinya, maka Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini tidak lagi seimbang elaunnya. Tugas-tugas Ahli-ahli kedua-dua Dewan ini bertambah-tambah banyak hari-hari oleh sebab Rancangan Malaysia Yang Kedua, harap Kerajaan akan mengambil perhatian.

Kepala B. 7—Perdana Menteri—

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri kita yang telah dapat melawat beberapa negeri di Eropah, yang mana perhubungan rapat dapat diadakan dengan negara-negara ini. Dengan adanya lawatan Perdana Menteri Malaysia ini, negeri-negeri yang dilawatinya itu akan dapat menghantar pakar-pakarnya, khasnya ahli-ahli perniagaan yang akan dapat membeli banyak getah, bijih, kelapa sawit dari negeri kita dan juga akan dapat memberi nasihat-nasihat berkenaan dengan banjir yang selalu melanda negara kita, hutan-hutan yang telah habis dan juga pekerjaan-pekerjaan.

Kepala B. 19—Kementerian Pertahanan—

Saya merayu kepada Kementerian ini, akan mengkaji berkenaan dengan pencen-pencen askar yang telah bersara. Kerajaan sudah menambah pencen-pencen bekas perajurit yang bersara pada dan kemudian dari 1hb Ogos, 1968, tetapi bekas perajurit yang bersara sebelum 1hb Ogos, 1968 tidak diberi tambahan pencen itu.

Bekas Perajurit yang berpencen sebelum 1hb Ogos, 1968, boleh dikatakan tulang belakang Angkatan Tentera Malaysia, kerana perajurit yang tua, yang mula-mula berkhidmat dalam Askar Melayu, sebelum dan selepas perang sudah menjadi asas pasukan-pasukan lain yang ditubuhkan dari setahun ke setahun. Orang tualah yang memimpin perkembangan Angkatan Tentera Malaysia, dari dua battallion Askar Melayu sampai ke bilangan sekarang. Orang tua itu yang menanggung beban yang besar dan berat semasa darurat tetapi sekarang sudah dilupakan oleh Kerajaan.

Tambahan pencen sudah diluluskan kepada perajurit yang berhak menerima pencen, yang sudah bersara pada atau kemudian dari 1hb Ogos, 1968, tetapi mereka yang bersara

sebelum 1hb Ogos 1968 yang lebih layak lagi kerana perkhidmatan yang lama tidak diberi tambahan.

Bilangan orang-orang yang bersara sebelum 1hb Ogos 1968 yang sedang menerima pencen, tetapi tidak menerima tambahan adalah seramai 706 termasuk 687 orang yang berpangkat Warrant Officer ke bawah dan 19 pegawai.

Butir-butir adalah seperti berikut:

Brigadier	1
Kolonel	1
Left Kol.	1
Mejar	7
Keptan	4
Leftenan	5
W.O.I.	43
W.O.II.	148
Staff Sergeant	92
Sergeant	208
Kopral	112
Lans Kopral	84

Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sudah menghantar beberapa kali rayuan kepada Kementerian Pertahanan meminta supaya 706 bekas perajurit ini ditambah pencen sama dengan mereka yang bersara, pada atau selepas 1hb Ogos, 1968, tetapi rayuan itu belum lagi diluluskan.

Bekas-bekas perajurit tua yang tidak diberi tambahan pencen ini merasa sangat sedih hati, dan ada yang menuduh Kerajaan tidak ada timbangan bagi orang-orang yang sudah berjasa. Maka saya merayu kepada Kerajaan akan menimbangkan semula rayuan dari Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ini.

Kepala B. 29—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri—

Saya merayu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya segala ex-servicemen dan ex-policemen diutamakan mendapat lesen membeli senjata api, kerana pada masa ini pekerjaan jaga (watchmen) di kedai-kedai emas, lombong-lombong, estet-estet, di bank-bank diutamakan bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis yang ada mempunyai senjata api, tetapi hendak mendapat lesen sangat-sangat susah dan oleh itu banyak lagi bekas-bekas askar dan polis tidak mendapat pekerjaan.

Yang kedua, saya merayu kepada Kementerian ini supaya Pejabat Imijeresen yang ada sekarang diperbaiki. Pada masa ini semuanya bercampur gaul tidak teratur. Patutnya diasing-asingkan, misalnya orang-orang yang memohon paspot Singapura, diasingkan tempatnya dari orang-orang yang memohon paspot internasional. Saya selalu melawat pejabat ini dan selalu mendapati, orang-orang berasak-asak hendak mendapat paspot. Begitu juga kakitangan di pejabat ini tak cukup sehingga kakitangan yang ada di pejabat itu tidak dapat rehat dari pagi hingga petang tak berhenti-henti bekerja. Begitu juga pejabat ini sudah sangat-sangat uzur bila-bila masa akan rubuh. Saya berharap kepada Kementerian akan memperbaiki pejabat ini menambahkan lagi kakitangan pejabat ini.

Kepala B. 41—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat—

Saya merayu kepada Kementerian ini akan membuat satu penyata lengkap nama-nama yang membuat perusahaan-perusahaan di negara kita ini, Penyata itu menunjukkan nama-nama perusahaan, ladang-ladang getah dan lombong-lombong serta dengan berapa banyak kakitangannya bagi satu-satu kaum dan dihantar kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya kita tahu berapa banyak perusahaan-perusahaan dan pekerja-pekerjanya kerana banyak perusahaan-perusahaan yang tidak seimbang mengambil pekerja-pekerja ada yang mengambil bagi satu kaum sahaja. Begitu juga gudang-gudang, pejabat-pejabat insuran. Misalnya di Pejabat Penerbangan QUANTAS tidak ada langsung pegawai bumiputra, kalau adapun orang-orang yang bergaji kecil, begitu juga saya beri satu contoh di pejabat insuran satu daripadanya British American Insurance Co. Ltd. ada 11 Pejabat di Malaysia Barat ini, tetapi 9% bangsa Tionghua, 2% bangsa India dan kurang 1% dari bumiputra.

Saya juga merayu kepada Kementerian Buruh supaya membuat satu tanggagaji bagi segala pekerja-pekerja yang ada di negara kita ini supaya seimbang, dan tidak ada bertinggi rendah antara satu-satu kaum dan kalau ini dapat dibuat, kita beri setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini.

Satu perkara lagi saya merayu kepada Kementerian Buruh bahawa pada masa ini, banyak ladang-ladang getah telah dijual dan

diharap pekerja-pekerja ladang-ladang itu akan mendapat ganjaran yang saksama, seperti tanah $\frac{1}{4}$ ekar bagi satu kelamin dan wang ganjaran sebanyak \$3,000 satu pekerja, kerana kebanyakan dari pekerja-pekerja dari ladang-ladang ini sudah tua dan patut diberi tempat tinggal dan wang untuk mendirikan rumah, kalau tidak, Kerajaan juga akan menanggung bebanan ini. Taukeh-taukeh ladang-ladang itu mendapat banyak untung dan Kerajaan menanggung bebannya. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Buruh agar mengambil perhatian yang berat pada landang-ladang yang telah dijual dan pekerja-pekerja jangan susah dan menderita.

Kepala B. 51—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli—

Saya merayu kepada Jabatan ini, janganlah mengambil berat bagi satu-satu tempat sahaja, kerana pada masa ini Jabatan ini, mengambil berat di Gombak sahaja, tetapi orang-orang Asli di Kawasan saya, di Bukit Lanjan, Batu 10 Jalan Damansara, tidak mendapat layanan yang sama. Sebab, saya cakap begitu, pada tiap-tiap tahun pada masa Hari Raya saya pergi beramai-ramai dengan Penolong Pegawai Daerah, Ketua-ketua Kaum dan Polis, saya dapati tidak ada klinik, tempat-tempat permainan kanak-kanak, sekolah yang lengkap, lampu-lampu elektrik, air paip dan talivisyen. Mereka ini serupa 100 tahun dahulu juga, tidak ada bezanya. Saya mahu orang-orang ini bertambah moden, cantik, cerdek dan anak-anak mereka menjadi orang-orang kenamaan di tanahair kita ini, kepada Jabatan Orang Asli, tolonglah ambil perhatian rayuan saya ini, kerana Hari Raya tak lama lagi, saya akan datang melawat lagi membawa hadiah-hadiah dan saya hendak tengok ada perubahannya.

Kepala B. 52 dan B. 58—Kementerian Perhubungan—

Saya suka merayu kepada Kementerian Perhubungan supaya membuat satu undang-undang baru berkenaan dengan Lesen-lesen Teksi. Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya pengeluaran lesen-lesen teksi, dipulangkan kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Kerana pada masa ini, saya dapati sangat kecoh dan tak sesuai lagi.

Pada masa ini, Kota lesen-lesen teksi, dibuat oleh Kerajaan Negeri masing-masing, tetapi lesen dikeluarkan oleh Kementerian dan masanya tidak tentu arah. Misalnya

tahun 1972 di Selangor, setahu saya, tidak ada lesen dikeluarkan bagi Daerah Kuala Lumpur, cuma beberapa sahaja di pekan-pekan yang kecil, tidak di Bandar Kuala Lumpur, tetapi hingga hari ini, belum lagi disiarkan di dalam surat-surat khabar. Sebelum disiarkan di surat-surat khabar, saya minta Kementerian yang berkenaan dengan lesen-lesen teksi ini, sekali lagi, pulangkanlah kepada Kerajaan Negeri masing-masing, samada kotanya dan lesennya.

Yang kedua, saya merayu teksi-teksi ini, tidak dibenarkan keluar dari Negerinya masing-masing. Misalnya, di Negeri Selangor, segala teksi-teksi yang ada di Selangor, boleh mengambil sewa dan membawa penumpang-penumpang di seluruh negeri Selangor, bukan macam sekarang, dihadkan bagi satu-satu kawasan sahaja, sebab saya fikir ini, merugikan orang yang punya teksi itu dan akan menipu kepada Kerajaan.

Saya beri satu misalnya. Di Kampung saya sendiri di Batu Village ada 4 teksi, dari Batu Village ke Kuala Lumpur, cuma 5 Batu, penumpang-penumpang lebih suka naik bas, kerana bas banyak dan murah. Oleh itu, teksi yang 4 buah itu, tiga buah, tidak ada di Batu Village entah ke mana perginya, Tuhan sahaja yang tahu, sebab dia sudah tahu, tak boleh cari makan, 5 batu dari Kuala Lumpur dan bas banyak pula. Oleh itu, saya mencadangkan segala teksi-teksi yang ada di negeri itu, boleh mencari makan mengambil sewa di seluruh negeri itu. Saya juga tak suka teksi-teksi luar negeri datang ke satu-satu negeri yang lain, kerana penumpang-penumpang itu, ada orang-orang jahat, apabila dia melakukan satu kesalahan, di satu Negeri, dia boleh lari ke Negeri lain dengan menaikki teksi.

Pada masa ini, kita tahu, banyak rompak, samun, curi, bunuh di mana-mana Negeri. Yang sebenarnya, bukan rakyat negeri itu, yang melakukan kerja-kerja itu, tetapi datang dari negeri asing. Yang berlaku di Kuala Lumpur, samun, colek, rompak, curi, bukan orang Selangor, yang melakukannya, tetapi datang dari Negeri lain, siapa yang membawa mereka ke mari, ialah teksi-teksi luar negeri, datang ke Selangor ini. Oleh itu, saya menegaskan bahawa teksi-teksi, di negeri masing-masing, tidak boleh keluar dari Negerinya, tetapi boleh mencari wang, mengambil sewa, di seluruh Negerinya. Jika dapat Kementerian perhubungan jalkan,

saya percaya Keretapi Tanah Melayu akan mendapat untung yang lebih dan banyak, kerana keretapi boleh membawa penumpang-penumpang dari satu Negeri ke satu Negeri, tetapi teksi tak boleh.

Kepala B. 62—Kementerian Kerja Raya—

Saya merayu kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga agar memberi arahan supaya membayar lebih lekas kepada kontraktor-kontraktor yang telah menjalankan kerja-kerjanya, yang telah disiapkannya mengikut masa yang ditentukan dalam tendernya. Saya dapat rayuan-rayuan dari kontraktor-kontraktor bumiputra, yang datang berjumpa saya, atau yang terjumpa oleh saya semasa saya melawat pejabat-pejabat Jabatan Kerja Raya mereka memberi tahu, saya, iaitu mereka telah datang berkali-kali dan menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan wangnya. Saya harap, pada masa akan datang tolonglah segerakan, apabila siap sahaja kerja mereka lekas bayar, kerana banyak dari kontraktor-kontraktor bumiputra ini, tidak banyak modal, kalau bayaran dilambat-lambatkan ini akan merugikan mereka.

Satu perkara lagi, saya merayu kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga supaya mengarahkan kakitangannya yang bekerja agar menaruh line putih di tengah-tengah jalanraya supaya dibuat pada hari Ahad, atau masa hari cuti, sebab baru-baru ini dua kejadian telah berlaku di kawasan saya: Jalan Kuching, satu dari pekerjaannya dilanggar mati oleh kereta yang sedang menyapu cat putih di tengah-tengah jalan. Hal ini lebih kurang 6 bulan yang lalu. Lagi satu, pada 30-1-73 jam 9.30 pagi, seorang polis telah melanggar papan tanda di tengah-tengah jalan itu. Beliau terpelanting dilanggar oleh Mercedes, dan Mercedes itu dilanggar oleh satu kereta dari belakang dan saya nasib baik, lekas nampak pelanggaran itu, saya brake kuat-kuat kalau tidak, saya akan melanggar kereta di hadapan saya itu. Jikalau hendak juga dibuat, masa-masa hari orang-orang bekerja, hendaklah diberitahu dalam akhbar-akhbar mengatakan sekian-sekian hari, Jalan Kuching ditutup kerana menaruh garisan putih, di tengah-tengah jalanraya, ataupun ditaruh seorang buruh, yang memegang bendera merah menandakan bahawa ada buruh-buruh bekerja menyapu cat putih, tidaklah memadai dengan menaruh

board di tengah-tengah jalan, kerana di Federal Highway semua kereta-kereta berjalan tak kurang dari 50 batu satu jam dan jikalau peraturan ini tidak dibuat, saya percaya, banyak lagi nyawa akan melayang dan pelanggaran kereta dari belakang tak akan habis-habis.

Sekianlah pandangan saya atas Bil ini, dan saya menyokong seratus peratus untuk diluluskan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan dengan sepenuhnya.

Pertama, saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, kerana menyediakan satu Belanjawan dengan cukai yang sederhana bagi tahun ini, kedua saya suka menambah tinjau-tinjauan seperti berikut: Selepas ucapan Belanjawan ke-12 kita di negara ini dapat membuktikan bahawa Polisi Ekonomi yang diambil oleh Kerajaan telah bertambah diminta oleh orangramai. Bagi tahun lepas dan permulaan tahun ini kita nampak di dalam perbelanjaan kemajuan membayangkan pelaksanaan Polisi Ekonomi Baru.

Kita boleh berkata bahawa negara kita sedang cepat maju di bawah Polisi Ekonomi Baru ini, tetapi hal ini memang tidak dilihat oleh orang-orang miskin di bandar dan di luar bandar. Sebenarnya kita semua percaya bahawa setiap usaha mesti dibuat untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira wang supaya kemewahan negara yang bertambah dapat dibahagi sama rata. Orang ini telah betul atau salah, percaya bahawa Polisi Ekonomi Baru ini tidak berfaedah kepada mereka. Bagi orang-orang ini cara meneka hal ini ialah dengan daya pendirian ringgit. Mereka boleh membeli banyak barang untuk seringgat beberapa tahun yang lalu dan hari ini mereka tidak dapat membeli begitu banyak.

Kerajaan hendaklah lebih berusaha menerangkan dengan penuh Polisi Ekonomi Baru kepada orangramai. Menerangkan Polisi Ekonomi Baru kepada sebahagian orang dengan satu bahasa dan tidak penuh difahami oleh mereka akan tidak mendatangkan faedah, maka lebih usaha hendaklah diambil supaya menentukan bahawa mereka faham Polisi Ekonomi Baru. Jika boleh

dengan lain-lain perhubungan yang perlu dan ini mesti penuh dilaksanakan. Kerajaan hanya hendak menimbangkan satu perkara, iaitu Polisi Ekonomi Baru adalah penuh difahami oleh semua orang, tambahan pula Kerajaan hendak menggunakan lebih orang mempunyai kebijaksanaan untuk melaksanakan Polisi Ekonomi Baru ini. Ramai orang faham bahawa Kerajaan sedang mengikuti satu polisi dengan menggunakan orang-orang luar dari negara-negara seperti Korea, India, Indonesia ataupun negara-negara Arab. Orang-orang ini sedang bertanya mengapa warganegara Malaysia dari sebilangan universiti yang mempunyai kelayakan yang setaraf tidak diambil sementara kebijaksanaan mereka adalah diterima di sebuah negara jiran. Saya percaya Kerajaan akan belanja kurang sekiranya Kerajaan menggunakan warganegara Malaysia dan bukan orang-orang dari lain negara. Saya percaya jikalau warganegara Malaysia tidak diambil, ini hanya akan berfaedah kepada sebuah negara jiran. Kerajaan patut menimbangkan dan mengulang kaji semula perakuan darjah universiti di lain-lain negeri.

Dalam sebuah negara yang sedang maju seperti kita ini, kita tidak sanggup melepaskan fikiran kebijaksanaan. Di Dewan Rakyat baharu-baharu ini telah menimbulkan bahawa lebih kurang 6,000 orang warganegara Malaysia sedang berkhidmat dalam Pasukan Tentera di sebuah negara jiran dan jikalau orang-orang ini didapati oleh Kerajaan, sijil kerakyatan mereka akan dibatalkan. Pada pendapat saya Kerajaan hendaklah menyiasat dalam perkara ini mengapa orang-orang ini berkhidmat di sebuah negara luar dan bukan negara mereka sendiri. Hajat orang-orang ini akan menjadi satu pedoman untuk memutuskan samada sijil kerakyatan mereka patut dibatalkan. Jikalau hajat mereka ialah mencari pekerjaan kerana mereka tidak dapat bekerja di negara mereka sendiri, Kerajaan patut memasukkan orang-orang ini ke dalam Pasukan Tentera kita sendiri. Mereka hanya bersalah kerana mereka tidak dapat pekerjaan di sini dan ini bukan sebenarnya kesalahan mereka sendiri.

Kerajaan menambahkan Cukai Impot bagi buah-buahan adalah disambut pada umumnya. Orangramai, hanya ada satu pertanyaan iaitu buah-buahan tempatan adakah cukup dan samada harga buah-buahan tempatan akan ditetapkan dalam purata yang sanggup

kepada pemakan. Kita semua menyambut polisi Kerajaan untuk meluaskan pananaman buah-buahan tempatan. Tanah adalah satu pedoman dan Kerajaan mesti menentukan bahawa Kerajaan Negeri akan mengeluarkan cukup tanah untuk penanaman buah-buahan tempatan.

Akhirnya, saya suka mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana peringatan beliau kepada gulungan peniaga yang pada masa ini hanya melibatkan diri di dalam pembelian dan penjualan supaya menukar di perusahaan secepat mungkin. Kita mesti faham bahawa Malaysia pada hari ini hendak mengusahakan secepat mungkin dan mereka masih tinggal sebagai saudagar akan hilang penghidupan mereka.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, saya bangun hari ini adalah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 yang sedang kita bahaskan pada hari ini. Dalam masa membahaskan Anggaran Perbelanjaan, 1973 ini saya ingin bercakap satu dua perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak Kerajaan ataupun oleh Kementerian yang bersangkutan. Perkara ini benar-benar saya alami dalam masa saya menunaikan Fardu Haji tahun ini.

Satu daripada perkara yang patut sekali pihak Kerajaan mengambil tindakan, samada mengkaji semula kakitangan-kakitangan yang ada di dalam Tabung Haji ini, kerana nampaknya di dalam masaalah mengurus orang Haji, terutama tahun ini, sangat-sangatlah mendukacitakan, sehinggakan pada hari mereka itu hendak belayar, maka paspot mereka belum lagi sampai ke tangan mereka, walhal Tabung Haji telahpun didirikan hampir lapan tahun. Cuma untuk menguruskan paspot bagi pelayaran pertama 1900 orang tidak dapat dibereskan—macam mana? Sehinggakan paspot ini dihantar dengan kapalterbang khas ke Jeddah. Inikah dia satu urusan yang boleh membanggakan Kerajaan kita, kerana Tabung Haji ini adalah didirikan dengan usaha Kerajaan kita, tetapi kerana perbuatan-perbuatan dan kecuaihan kakitangan-kakitangan yang ada di dalam Tabung Haji itu, boleh memalukan Kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di Pertua, bersangkutan dengan itu maka yang sangat-sangat menyedihkan lagi semasa Jemaah Haji hendak

menaiki kapal di Pelabuhan Kelang. Saya rasa Pelabuhan Kelang telah lapan tahun, semenjak tahun 1965, menguruskan Jemaah-jemaah Haji daripada Malaysia ini, patut telah tahu dan faham bagaimanakah cara untuk mengatasi kesulitan-kesulitan Jemaah-jemaah Haji yang hendak menaiki Haji ke Mekah pada tiap-tiap tahun itu. Apa yang saya muskilkan pada hari Jemaah Haji yang hendak menaiki kapal maka di hari itu ada tiga nakhodanya. Satu Polis Pelabuhan, satu lagi Polis biasa dan satu lagi Polis Tambahan atau Polis F.R.U. Ketiga-tiga pasukan ini, diperintahkan oleh tiga Ketuanya. Kalau kita pergi kepada pihak Polis Pelabuhan—jalan sana. Pergi ke pihak Polis F.R.U. yang menjaga pintu ini, di sini tidak boleh masuk, masuk di sana. Pergi pula ke sana, dia akan arahan ke tempat lain pula, walhal Jemaah-jemaah Haji itu menunjukkan paspot mereka masing-masing yang mereka ini hendak masuk kerana hendak menaiki kapal. Ini tidak dapat disempurnakan.

Saya fikir perkara ini berlaku kerana tidak ada penyerahan kuasa kepada satu orang macam mana sekiranya pihak F.R.U. tidak dapat memerintahkan polis pelabuhan dan Polis Pelabuhan tidak dapat memerintahkan Polis biasa kerana lain-lain unit. Bila ditanya mengapakah perkara ini berlaku begini, maka dijawabnya ini perintah daripada Tabung Haji, sekali lagi Tabung Haji, Tuan Yang di Pertua. Rasa saya, pihak yang berkenaan yang bersangkutan-paut dengan Tabung Haji ini tolonglah perhatikan sedikit kalau patut ditaruh "fab" pun, bolehlah ditaruh "fab" pada pegawai-pegawai Tabung Haji itu.

Ini masaalah turun kapal, iaitu pada 3hb Februari, 1973 pada masa jemaah haji hendak balik lagi susah, nyaris lagi berperang kerana anggota polis kita yang cukup berdisiplin pada hari itu telah naik berang yang difikirkan orang yang datang menyambut keluarganya balik daripada haji itu macam difikirkannya kominis sehingga kekasaman berlaku. Ini, rasa saya, tidak lain dan tidak bukan kerana tidak ada peraturan yang tegas dan sungguh-sungguh untuk menguruskannya. Sepatutnya perkara ini dirancang awal-awal lagi bagaimana caranya untuk mengatasi perkara ini, walhal kesulitan ini telah diketahui yang kawasan Pelabuhan Kelang itu sempit, mengapakah diberi 4 keping pas kepada seorang jemaah haji. Ini dengan sendirinya mereka yang

mengeluarkan pas ini tidak ada mempunyai fikiran yang sempurna. Kalau 1,000 orang yang hendak naik di Pelabuhan Kelang, diberi 4 pas jadi ada 4,000 orang penghantarnya, di mana hendak didudukkan mereka ini di Pelabuhan Kelang yang sempit kawasannya. Saya harap kepada mereka itu perakara ini difikirkan semula supaya tidak lagi menyusahkan. Pas diberi masuk tak boleh, macam mana pihak polis hendak beri masuk, kerana kawasan di tepi sana sudah penuh, walhal mereka yang datang semuanya ada pas daripada pihak Tabung Haji yang mengatakan mereka ini dibenarkan masuk ke pelabuhan, tetapi tempat di pelabuhan tidak cukup besar. Kita tidak boleh menyalahkan pihak anggota polis tetapi yang patut disalahkan ialah mereka yang mengeluarkan pas ini yang tidak ada pertimbangan, Tuan Yang di Pertua.

Perkara ini memang berlaku dan dapat saya ceritakan ini kerana saya bersama-sama dalam kapal tahun ini. Seperkara lagi ialah pihak Tabung Haji telah memerintahkan kepada syeikh-syeikh yang ada di Malaysia ini supaya barang-barang bakal haji itu diambil semuanya supaya syeikh itu mengurus sendiri naik sehingga ke kapal. Jemaah haji cuma naik dengan berleumpang tangan—bagus, tetapi malangnya, barang-barang itu bila masa naik ke kapal tak tahu ke mana perginya sehingga ada seorang jemaah sekiranya tidak diberi pinjam kain ehram kepadanya maka orang ini tidak dapat berehram di Yam Lam-lam kerana beg kainnya sudah dimasukkan ke dalam perut kapal, sepatutnya beg-beg ini bersama di dalam bilik jemaah itu sendiri. Rasa saya, peraturan-peraturan begini patutlah diteliti semula supaya tidak berlaku sebagaimana yang saya nyatakan ini. Saya mengatakan ini kerana saya sendiri bersama dan saya tahu hal keadaan ini.

Satu perkara yang paling menyedihkan ialah kapal haji kita ini, dahulu namanya "Malaysia Baru" tetapi sekarang telah bertukar menjadi "Malaysia Kita" yang banyak penumpangnya lebih kurang 1,900 orang.

Tuan Yang di Pertua: Malaysia Baru saya fikir masih lagi Malaysia Baru.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Minta maaf, Malaysia Baru. Nama ini ditukar kepada Malaysia Kita yang kebanyakan jemaah memikirkan bahawa kapal

ini dipunyai oleh Kerajaan Malaysia kerana namanya Malaysia Kita, kapal kita, cukup manis namanya tetapi apa yang sangat menyedihkan layanan yang ada di dalam kapal itu memalukan Kerajaan Malaysia hari ini, kerana jemaah-jemaah haji yang ada di dalam kapal itu difikirkan sebagai lembu katuk. Saya berkata begitu, Tuan Yang di Pertua, kerana saya ini tadi duduklah Kelas I kononnya kerana hendak memikirkan kesenangan yang ada di dalam Kelas I, rupanya duduk di dalam Kelas I ini lagi mendukacitakan. Bila waktu minum pagi, tidak pernah sejarahnya minum pagi di mana juga telur diberi dua biji, tetapi di dalam kapal satu biji. Bila kita buat komplek tak cukup estimate barang ini, katanya. Kerana tak cukup estimate dipotong, patut dua biji telur hanya diberi satu biji telur sahaja. Kalau satu orang satu biji telur dimakan di dalam kapal ini, kalau harganya 5 sen, berapa ratus ringgit kapal ini mendapat keuntungan samada Kapal Malaysia Kita ataupun orang yang mengelolakan itu saya tidak tahu. Bila kita komplek pada Pegawai Kebajikan yang ada, saya berasa hairan kerana Pegawai Kebajikan telah bertukar pula masa perangnya Pegawai Kebajikannya lain, bila balik sudah lain pula kerana orang kapal yang pertama ini kaki komplek, tukar Pegawai Kebajikan. Bila masa komplek disampaikan kepada Pegawai Kebajikan yang dilantik oleh Tabung Haji itu kata mereka ianya tidak ada mempunyai kuasa, ini terpulang kepada kapal sendiri apa yang dia hendak beri. Kita patut menerima sahaja sehinggakan ada Pegawai yang menjadi Pegawai Kebajikan itu bila masa minum teh, Tuan Yang di Pertua, dia bawa teh dia sendiri dia tak sanggup minum teh yang ada dalam Kelas I itu. Kalau kurang percaya tolong tanya betulkah apa yang saya cakapkan ini kepada Pegawai Kebajikan yang dilantik oleh Tabung Haji.

Tuan Yang di Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat itu bermakna Pegawai Kebajikan dan bukan jawatankuasa?

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Pegawai Kebajikan. Apa yang menyedihkan lagi dalam Kapal Malaysia Kita yang kita fikir dipunyai oleh Kerajaan kita tadi harga barang. Harga barang yang dijual dalam kapal itu kalau saya ceritakan yang murah-nya rokok sahaja. Rokok semata-mata yang murah, harga gula satu paun 80 sen, susu

satu tin \$1, roti satu paun 60 sen, roti yang 5 sen jual di darat dijual dalam kapal dengan harga 20 sen. Jadi kalau sekiranya inilah dia syarikat kapal yang kita membuat perjanjian menyembelih warganegara kita yang hendak pergi haji, saya rasa patutlah Kerajaan mengkaji semula perjanjian yang dibuat dengan kapal ini. Saya rasa dengan perbuatan begini 1,900 orang yang belayar dengan kapal Malaysia Kita ini paling kurang yang akan berbelanja dalam masa 13 hari itu \$13, kalau dia beli susu satu tin dia sudah kena \$1 walhal di luar semasa saya tinggalkan dahulu berharga 55 sen susu itu susu yang paling rendah mutunya yang ada di dalam kapal Malaysia kita.

Sepekara lagi, Tuan Yang di Pertua, di sini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan tidak membenarkan orang yang tua dan uzur menunaikan fardu haji. Dari pengalaman saya orang tua yang uzur pergi menunaikan fardu haji tidak dapat menyempurnakan fardu hajinya bahkan mereka itu cuma pergi ke Mekah sahaja. Rasa saya, patutlah Kerajaan kita berani bersungguh-sungguh supaya tidak membenarkan orang yang tua dan uzur menunaikan fardu haji kerana dengan perangnya mereka yang tua dan uzur ini mereka ini tidak dapat menunaikan fardu haji dengan sempurna.

Wangnya habis, fardu hajinya tidak dapat ditunaikan dengan sempurna. Kalau sekiranya mereka itu berharap hendak mati di Mekah, belum tentu dia akan mati di Mekah. Sebab saya katakan begitu, ada seorang jemaah haji yang tinggal bersama-sama syeikh dengan saya, dia telah membawa emaknya yang berumur lebih kurang 90 tahun, pada suatu hari ianya telah bergaduh suami isteri, mengikut hakikatnya telah berpecah suami isteri. Ini pengalaman yang saya dapat kerana mereka itu duduk sama syeikh dengan saya. Ini kerana emak isterinya uzur, si isterinya terpaksa melayan emaknya sendiri yang uzur itu dan terpaksa pula kurang memberi layanan kepada suaminya kerana di Mekah itu lain sedikit, dugaannya terlampau tinggi. Manakala sampai ke Mekah dari segi kesabaran dan dari segi yang lain. Jadi oleh sebab isterinya melayan ibunya yang uzur itu, pertengkaran pun berlaku sehingga pada hakikatnya mereka itu telah berputus (bercerai) dari segi hukumnya, Tuan Yang di Pertua. Nasib baik saya dapat tahu dan saya dapat juga mengatasi perkara

itu, dan ianya balik bersama-sama saya, emaknya yang dibawa tadi yang berharap hendak mati di Mekah sampai juga balik ke Malaysia. Tetapi, saya berpendapat emaknya itu bukan pergi menunaikan fardu haji, tetapi cuma pergi ke Mekah sahaja. Kalau pihak Kerajaan membenarkan juga orang yang tua itu menunaikan fardu haji, walaupun dia tidak uzur, eloklah dibenarkan mereka naik kapal terbang sahaja, tidak menaiki kapal laut kerana dalam pengalaman saya selama 13 hari di dalam kapal, bermacam-macam kesulitan timbul. Mereka yang telah lanjut umurnya itu mesti kena mabuk dalam kapal. Sekiranya mereka itu mabuk berlanjutan tentulah manakala sampai ke Mekah tidak dapat menunaikan tugas-tugas haji dengan sempurna.

Kalau sekiranya kita hendak membenarkan juga orang-orang yang sudah tua itu hendak menunaikan fardu haji lebih baiklah kita hantar mereka itu dengan kapal terbang sahaja, kapal terbang bertolak dari sini sampai ke Judah antara 9 atau 12 jam, itu tidak menyusahkan kepada mereka itu.

Satu lagi, saya suka mengingatkan Tabung Haji mengenai Pegawai Kebajikan yang dilantik itu biarlah benar-benar mereka yang matang. Janganlah dilantik untuk ada sahaja, tidak memikirkan masaalah umur masing-masing, kerana mereka yang menjadi Pegawai Kebajikan itu bukannya untuk memerintah, tetapi mereka itu terpaksa hendak melayan jemaah-jemaah haji yang datang daripada kampung, yang tidak mengerti peraturan-peraturan, dan tidak faham, barangkali bahasa-bahasa yang lembut.

Kalau dilantik mereka yang berumur 30 tahun ke bawah mungkin pergisiran berlaku dengan jemaah haji, sebaik-baiknya hendaklah dilantik Pegawai Kebajikan itu daripada mereka yang benar-benar matang, jika dapat lantiklah daripada jemaah haji yang layak daripada semua Negeri-negeri kerana semua Negeri ada orangnya yang menunaikan fardu haji tiap-tiap tahun. Jangan dilantik mereka cara pilih kasih, maaf kalau cakap saya ter-langsung, sebab ini untuk kebaikan Tabung Haji supaya Tabung Haji benar-benar dapat dijadikan satu badan perantaraan yang menguruskan orang-orang yang hendak menunaikan fardu haji. Dan cara Tabung Haji membayar wang kepada jemaah-jemaah juga patut dikaji semula. Ini menyusahkan

juga jemaah haji di Mekah. Apakala sampai masanya jemaah haji yang sudah kehabisan wang hendak pergi minta duit, orang Tabung Haji kata belum sampai had keluar. Mengapa wang mereka itu ditahan? Yang peleknya orang-orang yang menaiki kapal terbang diberi terus 716 rial, sebaliknya orang yang naik kapal laut kena tunggu, satu peringkat diberi 400 rial, peringkat kedua 316 rial, kena tunggu lagi satu bulan. Walhal perkara ini apa yang kita hendak ragukan kerana wang itu wang mereka. Tentang tujuan kononnya supaya jangan syeikh memotong wang jemaah itu dengan sewenang-wangnya. Tetapi saya tengok dengan perbuatan itu pun syeikh haji tidak dapat membuat potongan yang sama di antara satu jemaah haji dengan satu jemaah yang lain. Di manakah kedudukan Tabung Haji dalam perkara ini?

Kalau sekiranya benar-benar Tabung Haji hendak menguruskan perkara ini, uruskan betul-betul, jangan uruskan sekerat jalan. Bila timbul kesulitan, mengadu kepada syeikh, jawab syeikh: "Kita tidak tahu, sila buat urusan dengan Tabung Haji, sila urus dengan Tabung Haji." Bila pergi kepada Tabung Haji: "Itu bukan urusan Tabung Haji, itu adalah urusan syeikh". Akhirnya jemaah haji juga yang terkorban.

Satu perkara lagi, saya beri tahniah kepada rumbungan perubatan yang datang dari Malaysia yang menjalankan tugasnya cukup cemerlang. Tetapi satu sahaja saya minta pinda, janganlah diadakan cuti hari Jumaat masa mereka itu bertugas di Mekah. Sedangkan orang yang sakit di Mekah itu tak berhenti-henti, setiap hari mereka ada juga yang kena sakit kerana peralihan hawa. Saya harap pihak perubatan yang datang daripada Malaysia yang akan datang, kalau 5 orang doktor, saya rasa, tidak cukup, kerana terpaksa ada masanya doktor itu dibagi dua, sebahagian pergi ke Madinah dan sebahagian tinggal di Mekah dan ada juga masanya hendak pergi ke Judah. Kalau 5 orang doktor bertugas semasa menunaikan fardu haji tidak cukup bilangan, ini patut ditambah dan janganlah diadakan cuti pada hari Jumaat. Walaupun Kerajaan Saudi Arabia memberi cuti kepada kakitangannya pada hari Jumaat, walaupun hari Jumaat cuti, pihak perubatan kita tidak menerima juga orang-orang yang sakit kuat. Rasa saya, cuti pada hari Jumaat itu patutlah ditimbangan.

Kalau sekira ada juga kesusahan patutlah dihantar pegawai perubatan itu lebih banyak supaya dapat digilirkan mereka yang bertugas itu.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak bercakap perkara lain kerana saya tidak dapat meneliti bil-bil yang sudah datang lebih dahulu oleh kerana saya berada di luar negeri bersama juga dengan Tuan Yang di Pertua. Saya harap pihak Kerajaan benar-benar dapat meneliti dan memeriksa balik pentadbiran yang dibuat oleh Tabung Haji berkenaan dengan orang-orang yang hendak menunaikan fardu haji. Dan juga berkenaan dengan layanan di dalam kapal ini patut disemak semula, terutama sekali manakala makanan yang hendak diberi kepada Jemaah Haji itu biarlah diberi menu supaya dapat kita ketentuan. Saya rasa, masa perjanjian ini dibuat dahulu, tentu ada menu tetapi malang bila diminta, apa menu hari ini, tidak dapat diberi oleh pihak perkapalan. Ditanya kepada Pegawai Kebajikan, Pegawai Kebajikan tidak ada kuasa di sini, kata dia. Walhal dia menjaga kebajikan Jemaah-jemaah yang ada di dalam kapal ini, tetapi penghabisannya dia kata inilah dia, manakala lebih didesak kalau orang itu barangkali orang kampung sedikit, ini Kerajaan kita punya kapal, kata dia. Yang setahu saya, Kerajaan Malaysia tidak ada kena-mengena dengan Kapal Malaysia kita. Tidak tahulah saya, kalau sudah barangkali dibeli oleh Kerajaan Malaysia. Setahu saya Kerajaan belum lagi ada modal dalam Kapal Malaysia kita dan saya tahu juga bila ditanya ini Encik Senu punya kapal, katanya. Saya kata, Encik Senu tidak ada kena-mengena yang saya tahu, saya kata kapal ini diuruskan oleh Tabung Haji dengan pihak kapal ini ada perjanjian untuk mengangkat Jemaah Haji ini, kalau tidak silap saya selama 7 tahun. Ini sudah berjalan dua tahun. Saya harap kalau sekiranya tidak dikaji dari masa ke masa, maka lima tahun lagi Jumaah Haji Malaysia akan menderita.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1973.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

**(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)**

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1973 yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Parti Perikatan dan PAS kerana telah menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran Pusat dan Negeri pada masa sekarang ini dengan sesuai dan kena pada masanya. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kedua parti terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita Tun Abdul Razak kerana beliau untuk perpaduan rakyat dan kepentingan negara kita dengan kebijaksanaan dan kebolehannya Kerajaan Campuran telah lahir dan memberikan faedah besar kepada rakyat Malaysia kita.

Tuan Yang di Pertua, pada hemat saya kenaikan cukai baharu Kerajaan ini adalah adil dan realistic kerana adalah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun adalah separuh orangramai mengadukan bahawa cukai kali ini ialah yang dikenakan ke atas buah-buahan dari luar negeri yang diimpot seperti apple, limau dan sebagainya dengan kadar dua kali ganda adalah tidak berapa patut.

Tuan Yang di Pertua, saya sangatlah bersetuju dengan keterangan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita di Dewan Rakyat baharu-baharu ini bahawa tujuan kenaikan cukai yang dikenakan ke atas buah-buahan dari luar negeri itu kerana untuk menggalakkan penanaman dan penggunaan buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya kepada langkah tidak secara langsung yang dibuat oleh Kerajaan bagi melindungi perusahaan buah-buahan tempatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah berjanji Kerajaan akan menolong meminjamkan wang kepada peserta-peserta tanaman supaya dapat tambahan keluaran buah-buah tempatan. Berita seperti

ini adalah baik, akan tetapi mengenai masalah tanah adalah penting kerana bukan senang kita hendak memohon tanah-tanah Kerajaan dapat diluluskan. Saya di sini berharap kepada Kerajaan Negeri masing-masing patutlah luluskan tanah-tanah untuk tanaman buah-buahan tempatan dengan seberapa cepat mungkin supaya dapatlah peserta-peserta menanam lebih banyak buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, pada fikiran saya apakah salahnya kita makan buah-buahan tempatan kita seperti papaya, nanas, temikai dan lain-lainnya yang mempunyai lebih banyak vitamin dan tidak payahlah membeli buah-buahan dari luar negeri sekiranya jika kita fikirkan mahal.

Tuan Yang di Pertua, untuk perhatian Kerajaan, kenaikan cukai ke atas buah-buahan dari luar negeri yang diimpot itu dengan kadar dua kali ganda akan mengurangkan bilangan masuk ke negeri kita kerana mahal dan Kerajaan akan kurang mendapat cukai. Keadaan ini akan menimbulkan masalah menaikkan harga juga ke atas buah-buahan tempatan akan datang. Diharaplah Kerajaan mengawasi harga pasaran (market) atas buah-buahan tempatan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua, pada hemat saya juga barang yang dinaikkan cukainya seperti dapur ges adalah sedikit melibatkan rakyat yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun bagi minuman keras, minyak wangi dan rokok, Kerajaan hanya menaikkan cukainya 10% sahaja adalah ringan, sepatutnya dinaikkan cukai lebih sedikit, kerana barang-barang tersebut adalah barang-barang luxury, orang berpendapatan tinggi akan tidak terlibat dengannya.

Tuan Yang di Pertua, satu tanda yang baik kita boleh meninjau iaitu menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin kita mengumumkan baharu-baharu ini bahawa harga getah mungkin akan naik kepada paras yang memuaskan di dalam tahun 1973, kerana eksport getah Malaysia ke negeri Cina boleh jadi bertambah dua kali ganda daripada tahun lalu.

Tuan Yang di Pertua, bagaimanapun peruntukan wang bagi tahun 1973 ini adalah satu peruntukan yang memeransangkan setiap lapisan rakyat kita. Berkenaan cukai ini adalah untuk menambahkan hasilnya

dari \$53 juta berbanding dengan tahun yang lalu. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dan Timbalannya kerana kedua-duanya adalah Menteri yang bertugas berat atas keadaan kewangan negara kita. Beliau sangat faham keadaan Dasar Ekonomi Baru serta kemajuan negara kita.

Tuan Yang di Pertua, saya suka merujuk kepada Kepala B. 19—Kementerian Pertahanan. Rakyat Malaysia sangatlah gembira terutama bagi penduduk-penduduk di negeri Perak pada hari ini, kerana kita telah dengar suatu berita baik bahawa Kerajaan Pusat telah bersetuju akan membelanjakan wang sebanyak \$450 juta untuk mendirikan Pengkalan Tentera Laut atau R.M.N. Base, di Pulau Pangkor, Lumut—Perak.

Tuan Yang di Pertua, tanah yang akan dikehendaki oleh Kerajaan adalah seluas 1,095 ekar tanah dekat Pulau Pangkor. Saya dapat tahu bahawa tanah Kerajaan Perak cuma ada 95 ekar sahaja dan lebih kurang 1,000 ekar tanah adalah tanah tuan punya dikelilingi dengan air yang dalam. Untuk mencapai tujuan tersebut Kerajaan Pusat terpaksa akan mengeluarkan peruntukan sebanyak \$5 juta untuk tujuan membeli tanah tuan punya dan semua keluarga yang terlibat itu akan berpindah, di antara mereka adalah pekebun-pekebun kecil dan nelayan-nelayan. Diharaplah Kerajaan akan memberi wang bantuan ketika mereka disuruh pindah rumah dengan wang ganti rugi dengan sepatut-patutnya.

Tuan Yang di Pertua, untuk perhatian dan tindakan Kerajaan bahawa apabila tanah tersebut didirikan pengkalan Tentera Laut atau R.M.N. Base tempat-tempat kelilingnya patutlah dicadangkan menjadi tempat perindasterian dan pelancungan. Keadaan ini akan menimbulkan Lumut bertambah maju dan memberi faedah kepada rakyat kita.

Tuan Yang di Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat membina pelabuhan baharu di Lumut dengan mengganti pelabuhan lama yang kecil sekarang ini dan juga kilang-kilang dan tempat-tempat pelancungan, kalau dibena saya fikir akan meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan itu.

Tuan Yang di Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan

Pusat kerana membantu wang sebanyak \$450 juta kepada Kerajaan Perak untuk rancangan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, merujuk kepada B. 20—Kementerian Pelajaran. Saya ada beberapa cadangan kepada Kementerian Pelajaran seperti berikut:

Yang Pertama, masalah kekurangan guru-guru. Kebanyakan guru-guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah juga di seluruh negeri kita adalah serious kekurangan pada masa sekarang ini. Oleh sebab guru-guru yang ada sekarang telah atau akan bersara dan berpisah tiap-tiap tahun akan tetapi tambahan guru-guru baharu tiada mencukupi sebagai gantinya. Pada pendapat saya guru-guru bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sangatlah kurang serta guru-guru Sains di Sekolah-sekolah Menengah, terutama sekali di negeri Perak dan Johor.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan dengan segeranya untuk melatih guru-guru tersebut. Tindakan hendaklah diambil semua guru-guru sementara yang ada sekarang untuk memasuki Pusat Latihan Guru atau Maktab Perguruan supaya menjadikan guru-guru tersebut menjadi guru tetap.

Tuan Yang di Pertua, pembukaan semula Maktab Perguruan dan Pusat Latihan Guru adalah satu langkah yang sepatutnya Kerajaan ambil pada masa sekarang ini dan tidak payahlah menunggu lagi. Inilah masa untuk diambil dengan practicalnya.

Yang kedua, mengenai cuti sekolah. Kita sedia maklum bahawa Penggal Cuti Sekolah yang ada sekarang ini ialah memakai dengan system 2-2-7 iaitu Penggal Pertama dan Kedua cuma 2 minggu cuti sahaja, tetapi 7 minggu cuti bagi Penggal Yang Ketiga. Pada pandangan dari ibu-ibu bapa dan orangramai juga berasa adalah sangat panjang masa cuti untuk Penggal Ketiga.

Kedaan ini telah menimbulkan masalah terlibat semangat murid-murid belajar dan menjadi malas dan tidak mengambil berat atas mata-mata pelajaran. Saya suka mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengubah dari system 2-2-7 kepada sistem 3-3-5 iaitu bagi Penggal Pertama dan Kedua 3 minggu cuti, bagi tiap-tiap penggal

dan 5 minggu bagi Penggal Ketiga. Saya harap Kementerian Pelajaran menimbangkan cadangan saya ini dengan telitinya.

Yang ketiga, mengenai perlantikan Timbalan Menteri Pelajaran. Tuan Yang di Pertua, kita sedar Timbalan Menteri Pelajaran telah diadakan pada masa yang lalu, akan tetapi selepas pilihanraya tahun 1969 sehingga sekarang ini kita hairan tiada pun seorang Timbalan Menteri Pelajaran dilantik oleh Kerajaan, tetapi Kementerian yang lain kebanyakannya ada Timbalan-timbalan Menteri. Urusan-urusan atau usaha-usaha pelajaran adalah terlampau banyak dan bukanlah hanya seorang Menteri Pelajaran sahaja dapat menjalankan tugas-tugas dengan licinnya. Saya berharap Kerajaan sepatutnya melantiklah seorang Timbalan Menteri Pelajaran dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di Pertua, saya merujuk kepada B. 52—Kementerian Perhubungan. Saya dapat tahu bahawa orangramai dan pengguna-pengguna jalanraya komplek tentang hal mengenai lori-lori ketika menggunakan jalanraya di mana-mana tempat di negeri kita ini. Mereka mengadukan bahawa banyak lori-lori besar termasuk kereta trailer selalu mengangkut barang-barang seperti beras, gula dan sebagainya. Saya sendiri juga sering kali melihat lori-lori besar itu dengan kayu besar dan tong-tong yang dimuatkan itu lebih besar dari lori itu. Keadaan ini selalulah berlaku kemalangan. Saya juga terdapat banyak lori-lori mengangkut tanah merah, bijih-bijih besi, dan pasir dengan air terutama di negeri Perak. Keadaan ini adalah membuat orangramai benci kepadanya, kerana baju penonggang-penonggang motor-sikal dan basikal kena kotor.

Tuan Yang di Pertua, bertambah pula saya selalu menengok lori-lori suka berjalan dengan lajunya. Ini tidak lain dan tidak bukan hanya kerana pendapatan mereka bergantung ke atas kira-kira trip. Inilah yang membawa bahaya di jalanraya. Untuk menjaga nyawa-nyawa orangramai dan keselamatan pengguna-pengguna jalanraya, saya berharap Kerajaan atau Pesuruhjaya Pengangkutan Jalanraya mengambil tindakan keras terhadap lori-lori yang membawa muatan lebih atau laju itu.

Tuan Yang di Pertua, mengenai penonggang-penonggang motosikal dan skuter, di sini saya suka mencadangkan kepada pihak yang berkenaan seperti berikut:

Yang pertama, sepatutnya pengeluaran lesen memandu hanya diberi kepada anak-anak muda kita apabila berumur 21 tahun ke atas.

Yang kedua, apabila pemandu-pemandu telah lulus dalam peperiksaan atau driving test membawa kereta atau motosikal itu dikeluarkan lesen dengan sementara sahaja dengan syarat satu tahun. Dan selepas satu tahun membawa kereta atau memakai motosikal itu sekali lagi dikenakan test. Kalau lulus, baharulah dibenarkan lesen yang tetap.

Yang akhirnya, provisional licence atau lesen sementara bagi orang-orang baharu yang hendak mempelajari membawa kereta atau memakai motosikal itu patutlah dikeluarkan dengan masa atau tahun seperti masa penjajahan British itu, kerana diberikan masa panjang untuk belajar. Tiga bulan sahaja yang diberikan pada masa sekarang ini memang tidak cukup masa untuk belajar kenderaan. Itulah sahaja dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, sebelum Ahli Yang Berhormat itu berucap dan oleh kerana tidak ada seorang Menteri atau Timbalan Menteri di Dewan ini, tidaklah mustahak untuk kita berucap lebih panjang lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Sememangnya Menteri dan Timbalan Menteri ada duduk di luar dan mendengar, tetapi eloklah kalau mereka dapat datang ke mari dan duduk di sini.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

Di sini saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Tun Tan Siew Sin kerana berusaha dengan tegas, dengan bersusah payah, dengan kelayakan, kemampuan, kebijaksanaan dan juga kesabarannya untuk mengemukakan satu belanjawan (Budget)

tahun ini yang sesuai, tektikal, realistik dan memuaskan bukan sahaja kepada pihak Kerajaan, tetapi juga kepada orangramai.

Belanjawan Tahun 1973 ini boleh dikatakan satu budget yang halus, yang ringan, yang adil dan sah dan ini diterima oleh selapisan rakyat dengan kepuasan dan senyum.

Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil peluang ini membangkitkan tiga perkara di berbagai Kementerian untuk pertimbangan di Dewan ini.

Yang pertamanya, iaitu Kementerian Pelajaran—B. 20. Ini berkenaan perkara buku teks sekolah.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini ke atas pengaduan tidak puas hati daripada orangramai tentang buku-buku teks sekolah yang tidak sama rata dan sentiasa bertukar-tukar buku tiap-tiap tahun di semua sekolah.

Saya difahamkan bahawa tidak ada sebarang keputusan tentang persamaan buku-buku, iaitu uniformity dalam buku teks. Dan tiap-tiap sekolah nampaknya memperoleh buku teks sekolah yang berlainan dengan yang diterbitkan boleh penerbit-penerbit yang lain. Selama ini buku-buku teks itu diterbitkan dengan persetujuan Kementerian Pelajaran dan setiap Pengetua sekolah atau pihak yang berkuasa memilih daripada penerbit-penerbit yang disukainya. Ini mengakibatkan bahawa murid-murid sekolah yang bertukar dari sebuah sekolah ke sekolah lain terpaksa menukarkan buku teks mereka juga.

Pertukaran buku teks sekolah tiap-tiap tahun ini mengakibatkan kesusahan kewangan kepada ibubapa murid-murid sekolah yang miskin, khususnya kepada yang mempunyai anak yang ramai bersekolah serentak.

Pada masa dahulu ketika buku teks sekolah yang sama rata (standard) digunakan, maka pelajar-pelajar yang miskin boleh membeli buku teks sekolah yang telah digunakan iaitu second-hand books dengan harga yang lebih murah dan di samping itu buku-buku teks boleh diberi kepada adik-adiknya.

Pada kebiasaannya perubahan di dalam isi buku teks yang tersebut hanya berlaku sedikit dalam satu, dua perenggan di dalam

sesuatu muka sahaja, tetapi seluruh buku itu hendak diterbitkan semula dan pelajar-pelajar diminta membeli buku baharu.

Saya difahamkan berubah sedikit dari isi buku ini dibuat setiap tahun dilakukan oleh penerbit-penerbit sendiri tanpa pengetahuan Pejabat Pelajaran meskipun keputusan Pejabat Pelajaran semua buku teks yang telah dipersetujui dan diterbitkan tidak akan ditukar sekurang-kurangnya 3 tahun. Pertukaran buku teks sekolah yang selalu itu hanya mendatangkan keuntungan kepada penerbit-penerbit dan kesusahannya kepada pelajar-pelajar yang miskin.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbangkan bahawa pertamanya mengadakan satu sistem menguatkuasakan penggunaan buku-buku teks sekolah yang sama iaitu uniformity bagi sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Sukatan pelajaran iaitu syllabus tentang buku teks tidak diubah selalu, jika boleh, dan dengan penerbitan buku teks sekolah ini tidak dihad akan diberi kepada satu atau dua penerbit sahaja, tetapi dibuka kepada berbagai penerbit-penerbit dengan syarat mempunyai persetujuan daripada Kementerian Pelajaran.

Yang keduanya, mengelakkan pertukaran buku teks sekolah selalu kecuali yang mustahak dan di mana isinya daripada perubahan itu hanya sedikit pelajar-pelajar boleh dibenarkan menggunakan buku teks yang lama dengan mengadakan pindaan itu disebarkan. Mengawal serta menguatkuasakan bahawa semua penerbit buku teks tidak dibenarkan membuat perubahan kepada sesuatu buku tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Pejabat Pelajaran. Dan akhirnya harga buku teks sekolah hendaklah dikawal. Sungguhpun harga buku teks telah diturunkan 10% sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, tetapi harga itu masih dianggap terlalu tinggi dan kebanyakannya bagi kebanyakan pelajar-pelajar yang miskin. Barangkali dianggap bijaksana menasihatkan penerbit-penerbit menggunakan kertas yang lebih murah untuk mengurangkan kos percetakan supaya harga buku teks boleh jadi semua jenis dapat dikurangkan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Dewan ini ialah masalah pengiktirafan ijazah-ijazah Universiti Nanyang dan Universiti

Taiwan. Tuan Yang di Pertua, setelah pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 20hb Disember tahun lepas di Dewan Rakyat bahawa untuk kepentingan negara kita ijazah Universiti Nanyang dan Taiwan dan ijazah dari setengah-setengah universiti di India tidak akan diakui. Maka tertibullah reaksi-reaksi yang tidak baik daripada orang ramai sebagaimana ternyata dalam surat-surat khabar harian Cina mengkritik pendirian dan keputusan Kerajaan tentang topik ini yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan termasuk anggota-anggota M.C.A. Sebagai Parlimen yang membuat dasar negara kita tidak akan berpura-pura dan tidak mengelakkan gempa-gempa dari sebahagian kaum yang menentang Kerajaan. Dari faktor dan kritik mereka itu, maka kita boleh memerhatikan dan menimbangkan kepada tiga perkara.

Yang pertamanya, siswazah atau mahasiswa Universiti Nanyang dan Taiwan bilangannya lebih 10,000 ramainya adalah rakyat dan warganegara Malaysia. Mereka berlepas dari Malaysia untuk melanjutkan pelajaran kerana kekurangan universiti yang mereka boleh masuk di negeri kita. Mereka telah membelanjakan banyak wang ringgit dan menghabiskan masa dan bersusah payah memenuhi kursus serta memperolehi ijazah dengan harapan untuk memberi perkhidmatan kepada negara dan rakyat Malaysia dengan pengetahuan yang tercapai itu. Dengan adanya kelayakan mereka yang tidak diakui maka mereka berasa tawar hati kerana tidak dapat mencari pekerjaan yang sesuai bagi kelayakan mereka.

Tuan Yang di Pertua, bagi makluman kelayakan akademik Universiti Nanyang dan Taiwan sedang juga diakui oleh negarane-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain dan Australia dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri juga mengakui bahawa kelayakan mereka mempunyai nilai, seterusnya mahasiswa-mahasiswa yang memperolehi kemahiran dalam Ilmu Hisab dan Sains dan kebanyakan daripada mereka telahpun memperolehi ijazah tertinggi kedoktoran (masters degree dan doctorship) dan kepujian-kepujian yang lain semasa mereka menjalani kursus post-graduate di Great Britain, Amerika Syarikat, Canada dan negeri-negeri lain.

Tuan Yang di Pertua, ketika proses Rancangan Malaysia Yang Kedua masih dilaksanakan dapat dengan pesat, kita mengkehendaki saintis, ahli teknik jurukira, ahli statistik, ahli jurutera yang banyak dan Kerajaan kita terpaksa tawar-menawar kepada pakar-pakar ini daripada luar. Jika kelayakan akademik mahasiswa Universiti Nanyang dan Taiwan mensesuaian taraf akademik, kenapa Kerajaan tidak memberi peluang mengakui ijazah-ijazah mereka dan membenarkan mereka memainkan peranan dalam pembangunan negara kita untuk memastikan nilai dan harga kelayakan mereka itu. Dengan hal yang demikian, Kerajaan akan mengatasi masalah pengangguran, memperluaskan pembangunan negara kita dan memenuhi cogan kata supaya menjadikan Malaysia sebagai masyarakat yang adil dan saksama.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya merayu bahawa topik yang sangat penting dan bertentangan ini akan mendapat perhatian yang berat sekali daripada Kerajaan untuk mempertimbangkan semula supaya mencari penyelesaian, mengadakan satu jalan bagi beribu-ribu belia yang gelisah dan tidak puas hati kerana tidak dapat pekerjaan, tidak dapat memainkan peranan di dalam masyarakat kita kerana ijazah ekademi mereka tidak diakui. Barangkali mereka diletakkan kerana kekurangan kelayakan dalam Bahasa Malaysia. Jika benar, bolehkah Kerajaan mengakui ijazah mereka dengan syarat mereka lulus dalam Bahasa Malaysia.

Perkara yang ketiga, berkenaan dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, iaitu berkenaan melarang merokok di panggung wayang, bas-bas dan tempat-tempat umum.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada satu aspek yang mengakibatkan keburukan kepada kesihatan umum, akibat daripada kebiasaan sosial yang tidak diingini iaitu merokok di panggung wayang, bas-bas dan tempat-tempat umum khususnya di hospital, klinik, gudang ubat, dispensari, sekolah-sekolah dan maktab dan bilik-bilik perundingan tertutup dan persidangan-persidangan umum.

Tuan Yang di Pertua, sudah menjadi faktor yang tidak boleh dinafikan bahawa merokok yang sudah dianggap sebagai kesukaan kepada orang yang tetap merokok bukan sahaja mendatangkan gangguan umum yang tidak diingini, tetapi suatu kebiasaan sosial yang merugikan untuk diikuti khususnya di antara belia negara kita yang menyebabkan bahaya yang serious kepada kesihatan. Sudah ada banyak bukti-bukti saintifik, penyakit-penyakit barah (cancer), demam paru-paru (bronchitis) dan penyakit jantung (heart disease), dan bahaya kesihatan ini boleh dielakkan dan jangan dimulakan atau berhenti merokok secepat mungkin.

Kekotoran udara adalah akibat merokok yang terlampau lebih di sesuatu bangunan umum yang tertutup khususnya di panggung-panggung wayang, hospital, bilik perundingan dan lain-lain yang mendatangkan sakit kepala, pening, putus nafas, batuk-batuk dan mata berair-air.

Saya pernah mengalami tanda-tanda itu ketika bermesyuarat terlampau lama di dalam bilik perundingan yang berhawa sejuk iaitu dipenuhi asap dan bau, dan saya terpaksa keluar selalu untuk mengambil udara yang lebih segar di luar untuk mengelakkan diri daripada tercekak.

Tuan Yang di Pertua, melarang merokok di semua panggung wayang, bas-bas dan tempat-tempat umum adalah suatu langkah yang betul untuk menghapuskan bahaya keburukan sosial ini.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan yang berkenaan yang telah melarang merokok di panggung-panggung wayang di Kuala Lumpur dan Ipoh akan juga mengambil langkah untuk menghentikan merokok di semua panggung-panggung wayang di semua bandaraya, bandar-bandar dan semua bas-bas dan tempat-tempat umum.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam upacara di Hospital Sungai Buloh semalam telah mengisytiharkan untuk mengambil tindakan untuk melarang merokok di hospital, dan klinik-klinik di seluruh Malaysia dan di sini saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya berucap dan saya sekali lagi menyokong dengan sepenuh hati atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Menyentuh soal pertama dalam Rang Undang-undang Perbekalan itu, saya sukalah bercakap dalam soal tempat yang kita duduk iaitu dalam Parlimen ini.

Waktu rehat tadi dan sebelum waktu rehat, saya cuba naik ke atas dalam bilik yang telah disediakan oleh Parlimen kepada tiap-tiap orang ahli Dewan baik Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara, kerana saya menalipon kepada seorang kawan. Kalau di bawah ini agak rumit kerana terlampau sibuk.

Di samping itu, saya cuba mendengar ulasan ataupun apa yang kita mesyuaratkan hari ini. Yang menganihkan saya, alat suara di dalam bilik itu ditulis tiga tanda Sound System: D.N. maknanya Dewan Negara, D.R. maknanya Dewan Rakyat dan di tengah-tengahnya "OFF". Bila saya buka switch, saya tak dapat dengar ucapan dalam Bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu. Saya berasa ajaib, kerana di dalam itu terdengar suara orang bercakap bahasa Melayu di Dewan, tetapi di sana didengar orang bercakap Inggeris. Saya dapat faham daripada seorang yang boleh dipercayai mengatakan bila di sini cakap Melayu, maka penterjemahnya menterjemahkan kepada bahasa Inggeris. Malang masa saya duduk dalam bilik itu banyak Ahli bercakap Melayu, jadi bahasa Inggeris sahajalah yang dapat didengar dalam bilik itu.

Tuan Yang di Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, baik Dewan Negara mahupun Dewan Rakyat, kita telah membuat keputusan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan lebih daripada masa sepuluh tahun, saya berasa amat dukacita kalaulah kita membuat keputusan di Dewan yang mulia ini tetapi ada tempat-tempat yang bersangkutan dengan Dewan yang mulia ini juga secara tidak langsung kita menggemarkan orang belajar bukan Bahasa

Malaysia, ini amatlah dukacita. Kerana saya dapat tahu dan saya selalu dengar, Tuan Yang di Pertua, kalaulah satu-satu orang itu akan berucap dalam Dewan ini, walaupun dibolehkan berucap dalam bahasa Inggeris, tetapi diminta dahulu, kalau boleh bercakaplah dengan Bahasa Kebangsaan. Tetapi kalau tidak dapat dielak, apa hendak dibuat, kerana itu bahasa, kata orang bahasa yang kita belajar. Tetapi mengapa secara tidak langsung di sana kita menggalakkan.

Saya mengesyorkan kita buat pelancaran terus. Kalau Mohamed Ali berlawan di England, atau di mana tempat kita boleh buat pelancaran terus-menerus begitu juga bola sepak, takkan di sini kita tidak boleh buat pelancaran terus bahawa di sana itu kita ubah cara terjemahan dalam Inggeris.

Saya mencadangkan kita buat pelancaran terus ataupun dibahagi hak istimewa Bahasa Malaysia supaya dengan itu menggalakkan tiap-tiap seorang mengetahui Bahasa Malaysia.

Ini cara tidak langsung kita buat sama rata—Bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris, kalau didengar di dalam bilik, adalah pandangan dalam Dewan kita adalah sama, sedangkan kita utamakan Bahasa Malaysia. Itu segi dalam Parlimen.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh soal pekerja ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kita tahu dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kerajaan akan menggalakkan terutama bumiputra kerana kita tahu walaupun bumiputra yang duduk dalam tanahair ini, tetapi disebabkan beberapa kekurangan ataupun ini telah menjadi adat atau tabiat manusia disebabkan dia fikir tanahair dia, macam seorang anak yang ada bapa dan ada ibu, dia tidak begitu bekerja sebagai seorang anak yang tiada bapa dan tiada ibu, jadi mereka lemah daripada bangsa-bangsa lain. Dengan sebab itulah untuk membuat mereka gemarkan segala-gala ini banyaklah segi yang dibuat sebagaimana Menteri, kita tahu berikhtiar siang dan malam termasuk Menteri-menteri lain untuk memajukan negara kita terutama bumiputra yang kita tahu lemah, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap, saya kerat satu akhbar, kalau tidak silap saya pada 24 haribulan sebab di sini ditulis 25 haribulan: "Kejujuran dan bukti kepada negara amat penting, kata

Tun". Jadi di sini kita faham walaumacamana kita hendak buat kebaikan dan rancangan, walaupun pegawai itu ada kebolehan dan akademik, kalau kejujuran tidak ada, keikhlasan tidak ada, saya percaya macam mana kata Tun, segala apa yang kita hendak laksanakan tidak terlaksana. Dengan sebab itu, dari segi pekerja, kita mahu tiap-tiap orang hendak pilih baik dari segi mana sekalipun, segi akademik kita tidak nafikan kerana tiap-tiap orang kalau dia tidak ada kebolehan bagaimana dia hendak bekerja. Tetapi dari segi kejujuran, latar-belakang, agak saya itu juga penting dan perlu. Kerana kita tahu hari ini dalam segi pegawai ataupun perkhidmatan awam sesudah diambil baik dalam pejabat manapun, saya kata ini bukan kesemua, ada di antara pegawai-pegawai yang bekerja dalam Jabatan-jabatan Kerajaan yang bawa kopi makan dalam pejabat, tidak mahu keluar. Tetapi ada pegawai yang masa bekerja sempat bersedang di kedai kopi ataupun di luar-luar. Yang anihnya, kalaulah datangnya daripada orang kampung, yang berkasut pun tidak bertepi atau dia pandang macam orang kampung betul-betul, benda itu yang dia boleh buat lima belas minit, katakanlah kalau di Perlis, dia kata datanglah pada hari Sabtu. Tidak fikirlah kita bagaimana susahnyanya hamba Allah itu akan datang dari satu tempat yang kenaikannya payah, tiba-tiba kerja yang kecil itu katanya datang pada hari Sabtu ataupun hari Isnin. Ini amatlah muskil, saya cukup berasa dukacita. Ini saya kata sekali lagi, bukanlah semua pegawai, tetapi ada pegawai yang macam ini, patutlah pihak yang berkenaan ambil tindakan. Tetapi ada pegawai-pegawai baik, itu sedialah Kerajaan menaikkan gaji dan beri imbohan dan sebagainya, kepada pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab, saya berharap kita akan mengambil tindakan supaya jangan lagi orang kampung ini terlampau susah sepertimana masa sekarang, sedangkan rancangan Kerajaan kita baik tetapi tentang perlaksanaannya terganggu disebabkan kecuaiannya setengah daripada pegawai-pegawai yang saya sebutkan tadi di segenap peringkat, maklumlah manusia ini banyak, ada yang rajin, ada yang pemalas. Yang pemalas itu tolonglah ambil tindakan ataupun perhatian.

Tuan Yang di Pertua, berbalik saya kepada Jabatan Keretapi ataupun Perhubungan. Kita tahu tiap-tiap tahun, Keretapi

satu kenderaan yang boleh dikatakan didokong atau dikanun di bawah Kerajaan. Tiap-tiap tahun rugi. Saya pun hairan, kadang-kadang saya tengok banyak orang naik, dan saya suka mengesyorkan di sini, bahawa sepandai-pandai manusia ada perkara yang dia tidak tahu. Itu yang dikatakan manusia, yang pandai Tuhan. Jadi setengah daripada Pegawai Pentadbir Keretapi itu, agak saya, dia tidak begitu pandai dari segi perniagaan. Jabatan Keretapi ini patutlah juga ada orang yang tahu dalam segi perniagaan. Saya berharap patutlah ada masuk badan-badan swasta yang tahu perniagaan, ataupun berpakat dengan Jabatan Keretapi ini supaya boleh kita siasat tempat mana yang agak kelemahan di segi perniagaan yang kita boleh berunding sama dengan ahli perniagaan, misalnya saya kata seperti Datuk sendiri walaupun sebagai ahli Dewan, tetapi adalah seorang ahli perniagaan juga.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, sebab yang saya berkata begitu tadi dari segi tadbir, anihnya kita dengar baharu-baharu ini keretapi berjalan, tetapi tidaklah begitu berjalan macam motor atau basikal di tengah jalan, berjalan pun ada masa yang tertentu. Dia boleh berlaga dalam stesyen; ini tidaklah anih, boleh kata dua jam sekali, sejam sekali, sudah ada masa, dia berlaga dalam stesyen, pentadbiran apakah ini, saya tidak tahu. Saya berharap dalam masa akan datang tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di Pertua, tentang keretapi ini saya juga turut sedih tentang perjalanannya. Kita sudah tahu dalam Dewan Rakyat, saya biasa dengar dalam laporan Ahli Dewan Rakyat bercakap, tolonglah adakan banyak sedikit keretapi semasa sekolah-sekolah cuti atau sekolah hendak dibuka. Kadang-kadang naik sampai macam ikan sardin. Saya dengar dalam laporan, Datuk Sardon kata, dia bukan sardin, dia Sardon. Saya juga turut menyokong atas apa yang dicakapkan itu. Kita tahu manusia ini dia ada masa, ada masa banyak, ada masa sedikit, dia bukan satu ketika, ikut macammana harinya, ada musim timur, ada musim hujan, bulan kelam, ada bulan cerah. Saya juga kalau tidak silap biasa bercakap dan orang lain biasa bercakap, jikalau saya hendak kata Perbadanan Keretapi ataupun Menteri Perhubungan tolong contoh orang kampung ataupun pak tani agak pelik sedikit. Sebab

pak tani itu orang kampung, tetapi agak saya, tidaklah begitu pelik kerana kita hari ini bukan pak tani yang boleh dicontoh. Sedangkan tumbuhan kita biasa buat bidalan, ikutlah rasmi padi, jangan ikut rasmi jagung atau rasmi lalang. Kalau padi makin berisi makin dia tunduk; kalau lalang, dia tegak ke atas. Jadi kita mahu ikut rasmi padi. Kalau pokok kayu kita boleh ambil contoh, apa lagi pak tani dan merka kita kata, jangan ikut rasmi ketam, suruh anak dia berjalan betul, tetapi dia berjalan lintang pukang. Ini saya kata, kita ikutlah rasmi orang kampung ataupun contoh orang kampung. Sebab apa saya kata begitu? Orang kampung ataupun pak tani terutamanya orang luar bandar mereka itu bekerja bendang, bekerja bendang kena ikut keadaan musim, ikut ketika, dia tidak boleh ikut kita letih kita larat tidak larat. Kalau musim itu air ada, tidak ditanam padi masa itu cepat-cepat dengan ukuran bahawa hari panas akan tiba. Kalau lambat padi itu ditanam di naik lalang, kata orang naik padi putih, padi tidak ada isi. Jadi dia kena tanam pada musim ada air betul-betul. Walaupun hendak bekerja 24 jam kena bekerja, pagi menajak dengan trekter, malam angkut semai dan berbagai-bagai lagi. Sebagaimana kata pepatah Arab: masa itu sebagaimana mata pedang; kalau kita tidak potong dia, dia akan potong kita. Ini keretapi kita sudah tahu. Yang sedihnya, saya ingat, tidak ada kerjasama di antara Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Perhubungan Keretapi. Kita keluar waran tiket kepada budak-budak itu suruh balik dengan keretapi sekian masa dan sekian jam, sedangkan gerabak keretapi kita tidak sedia. Ini tidakkah satu kezaliman kita buat kepada budak-budak? Kita tahu budak-budak akan bercuti sekian jam, misalnya daripada Johor ataupun daripada Kuala Lumpur balik ke Pulau Pinang ke Kedah, ke Perlis. Budak-budak itu tidak ada tempat, bukan hendak duduk, berdiri atas tangga pun cukup sedih. Begitu juga masa hendak balik ke sekolah yang anihnya, Tuan Yang di Pertua, satu hamba Allah hantar anak dia. Maklumlah banyak pakaian yang hendak dibawa kerana bercuti tiga empat bulan dan sebagainya. Hamba Allah ini tolonglah hendak hantar ke keretapi di samping menolong membawa beg budak itu.

Di keretapi orang sudah begitu banyak hendak naik, belum cukup masanya hamba-hamba Allah itu hendak naik, keretapi itu-pun berjalan. Hamba-hamba Allah yang tidak mempunyai tiket, dia tumpang naik, tiga buah stesyen baharu dia dapat beli tiket. Bukanlah anih ini, Tuan Yang di Pertua? Ini saya saksi dengan mata kepala saya sendiri, dan saya biasa pergi pada hari yang saya sebutkan tadi. Tidak bolehlah dua tiga gerabak ataupun banyakkann lagi sedikit. Kita tahu ukur. Kalau orang kampung tahu ukur masa ini bekerja lebih, masa ini rehat lebih, takkan badan perniagaan, badan berkanun Kerajaan yang mempunyai pakar, tidak boleh buat. Ajaib, Tuan Yang di Pertua. Jadi saya berharaplah barangkali pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi perkara macam yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di Pertua, saya masuk pula kepada Jabatan Perdana Menteri. Dalam Jabatan Perdana Menteri kita itu banyak rancangan-rancangan berjalan. Rancangan FAMA saya tidak mahu sentuh. Saya sentuh sedikit mengenai Pertandingan Membaca Quran. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita baik daripada Tunku Abdul Rahman dahulu sampai kepada Tun Abdul Razak membuat Pertandingan Membaca Quran, pertandingan ayat suci dan bukan setakat sahaja kita buat peringkat kebangsaan bahkan peringkat antarabangsa juga, negara-negara lain turut bertanding bersama-sama dengan kita. Kita sebagai rakyat Malaysia, saya percaya termasuk saya sendiri berterima kasih kepada pihak yang menganjurkan dan bersyukur kepada Illahi atas apa yang berlaku di negara kita ini. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat kalaulah sekadar membuat pertandingan membaca Quran sahaja, kupasan isi-isinya tidak dihalusi dengan teliti, haruslah tinggal baca Quran sahaja, kerana dalam Quran, ini saya bukan bangkang apa yang dibuat, saya ucapkan terima kasih tetapi untuk menambah lagi. Saya tidak bangkang bahkan saya bersyukur bahawa patut ditambah lagi. Kalau setakat membuat Pertandingan Membaca Quran, kadang-kadang syarahan agama pun jarang kita sulam. Pertandingan Membaca Quran ini disulam pula dengan gong gendang. Ini saya tidak tahulah hendak menyentuh, harus Tuan Haji Othman pun ada di situ, saya pun berasa ajaib tentang perkara-perkara yang semacam ini, ditempek, di-sorak, seribu satu macam walhal orang

membaca Quran, mengikut ayat, Tuan Haji Othman lebih tahu daripada saya. Syukur-lah kita ada Tuan Haji Othman oleh kerana Tuan Haji Abu Bakar tidak ada di sini, Tuan Haji Othman ada di sini, kita bersyukur kepada Tuhan. Dan tiap-tiap pertandingan membaca Quran tadi kita tidak boleh berbisik dan bercakap, tetapi ini bertempok. Ini patutlah pihak polis mengawasi dengan teliti.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya mengesyorkan kepada Jabatan yang berkenaan ataupun kepada Pengerusi yang berkenaan selain daripada ada Pertandingan Membaca Quran patut juga diadakan Pertandingan Syarahan dan sebagainya untuk mencari bukan kata bakat baharu, tetapi yang saya maksudkan dengan mengadakan Pertandingan Syarahan yang boleh menarikkan manusia kepada jiwa kerohanian dan kemasyarakatan yang baik bersama-sama pula dengan bulan yang mulia, sama bulan puasa atau bulan Nuzul Quran yang kita buat, kita cari syarahan-syarahan yang boleh menarikkan orang kerana manusia ini, Tuan Yang di Pertua, dia walaumacamanapun ada perasaan manusia itu buat baik itu adat manusia. Tetapi jalan tarikan itu kita tidak boleh nafikan. Sebab itulah juga kadang-kadang kita mengharamkan filem sex tidak boleh ditunjukkan dalam panggung dan gambar lucah tidak boleh ditunjukkan walhal apa kaitan gambar lucah dengan kita? Tetapi kerana perbuatan itu menarikkan kesukaan manusia pergi ke situ. Begitu juga syarahan. Kalau kita buat syarahan sedikit sebanyak menarik orang bagaimana tarikan filem lucah tadi. Kalau jalan yang jahat ada orang buat, dan orang ikut, saya ingat jalan yang baik pun kalau ada orang menganjur, ada orang ikut. Macam saya kata tadi, biarlah macam syarahan-syarahan yang saya maksudkan kita cari orang-orang yang boleh bersyarah, bukan cakap pandai berapi-api tetapi yang boleh menarikkan jiwa manusia sebagai buku-buku karangan Hamka. Saya kata begini, bukanlah saya kata saya seorang pembaca buku Hamka, tetapi walaumacamanapun saya kata terus terang. Kadang-kadang kita baca buku, tidak masuk dalam perasaan kita. Ini bagi saya, saya tidak tahu bagaimana orang lain. Tetapi bila kita baca buku-buku karangan Hamka seperti "Tasauf Moden", "Falsafah Hidup", "Mencari Kejernihan Jiwa", ini sedikit sebanyak

kadang-kadang bila kita berasa kelamkabut ataupun jiwa kita tidak tenteram, kita baca buku-buku yang macam ini menarikkan kita satu kerohanian yang baik. Ini saya harap biarlah Jabatan Perdana Menteri di bawah Pertandingan Membaca Quran mencari juga syarahan-syarahan yang saya maksudkan tadi biar ada johan-johan yang baik, johan-johan yang menarikkan jiwa manusia yang baik, kita buat pertandingan. Kalau kita berbelanja beribu-ribu ringgit pada hari ini untuk Pertandingan Membaca Quran, kadang-kadang selepas habis membaca Quran, bertempok dan bersorak, cari suara sedap sedangkan isi kerohanian itu tidak begitu mendalam sangat. Carilah macam mana saya maksudkan tadi. Itu pendapat saya, Tuan Yang di Pertua.

Begitu juga, Tuan Yang di Pertua, soal agama Islam, Tuan Haji Othman lebih pakar, dia akan bercakap kemudian daripada saya. Agama Islam telah menjadi agama rasmi, bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi. Kita tidak boleh memaksa seorang bangsa lain, suruh ikut agama Islam kerana agama adalah bebas walaupun agama Islam menjadi agama rasmi. Begitu juga bahasa Melayu adalah bahasa rasmi, tetapi kita tidak larang orang lain bercakap bahasa Inggeris, bahasa Tionghua dan bahasa Tamil. Tetapi Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi. Begitu juga agama Islam sebagai agama rasmi. Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, patutlah juga Kerajaan mencari jalan menggalakkan supaya tiap-tiap warganegara Malaysia dapat memahami perjalanan agama Islam walaupun mereka itu bukan beragama Islam.

Pada hari ini, Tuan Yang di Pertua, kita juga dukacita agama Islam agama rasmi, tetapi mencari jalan untuk menaikkan agama Islam, agama rasmi menasabah dengan nama rasmi tadi tidak begitu aktif, tidak begitu tepat. Walaupun macam saya kata tadi kita buat Pertandingan Membaca Quran, itu saya tidak nafikan, tetapi cara memahami dengan mendalam bagaimana kita buat bahasa kebangsaan bahasa rasmi suruh orang belajar, wajib orang belajar. Agama Islam tidak macam itu sedangkan agama Islam adalah hak negeri masing-masing, tetapi pada hari ini masih lintang-pukang. Yang Perlis, lagu Perlis, Kedah cara Kedah bahkan seluruh negeri lagu itu.

Bagaimana kita hendak maju yang kita katakan pada hari ini? Saya tengok dalam akhbar dan saya sendiri tengok. Kita tahu agama Islam adalah satu agama yang suci dan siapa yang mengikut cara agama betul-betul, dia tidak ada khianat, dia tidak ada dengki, dia tidak ada berkacau-bilau antara satu sama lain bahkan dia rajin, bahkan dia bagus tetapi mengapa pengikut agama Islam kita ini malas?

Izinkanlah saya berkata, dengan terus terang bahawa agama Islam pada hari ini, saya pun tidak kata pandai, buat kata orang kampung cara baka ataupun cara keturunan, baka keturunan Islam anak keturunan Islam, tetapi yang mana haram, yang mana halal, yang mana sunat yang mana makroh, yang mana yang baik yang mana tidak baik, jarang orang tahu. Sebab itulah dalam sebuah kampung saya dapati, kalaulah satu-satu itu kita kata semua itu orang Melayu yang beragama Islam, walaupun kita tahu syarat sebagai seorang Islam, selain daripada mengucap, sembahyang adalah wajib. Kalau siapa yang meninggalkan sembahyang, bererti kesalahan yang amat besar. Tetapi kalau sebuah kampung ada 100 orang, saya tidak fikir 80 orang ada sembahyang. Kalau ada hendak sembahyang pun, agaknya yang berumur 50 ke atas, kalau ada 100, yang bersembahyang 80 orang. Yang berumur 30 ke bawah dia kata aku masih hendak meretih dahulu walhal dalam agama Islam berumur 10 tahun sudah wajib kena dilatih sembahyang. Mengapa tidak begitu, Tuan Yang di Pertua, sedangkan dalam masjid seminggu sekali tempat yang kita beramal ibadat, salah satu selain daripada dua rakaat, khutbah adalah perkara wajib. Tidak anihkah ini? Yang menjadi Imam, membaca khutbah, selain daripada sembahyang wajib kepada Tuhan, khutbah adalah satu semangat, perangsang, pemberitahu hal-hal dan sebagainya. Kadang-kadang Imam baca khutbah, Tuan Haji Othman tahulah—penerangan. Dia baca bahasa Arab terus daripada awal sampai akhir, sedang dia sendiri tidak tahu apa yang dia katakan. Walaupun perkara ini, Tuan Yang di Pertua, adalah hak Kerajaan Negeri, saya ingat walaupun hak Negeri biarlah Jabatan Agama dalam Kerajaan Malaysia ini mengadakan persamaan, beri latihan termasuk Imam-imam. Biarlah Imam-imam yang hendak

menjadi Imam tahu sedikit, jangan dia sendiri pun tidak tahu apa yang dia kata, jangan jadi burung kakak tua.

Saya berharaplah kepada Jabatan Perdana Menteri walaupun perkara ini dalam urusan Negeri masing-masing, patutlah diperbaiki lagi supaya tidak ada keritik dan tidak puas hati atas perkara ini lagi, walaupun ada Imam yang membaca khutbah dalam bahasa Arab tidak tahu apa maknanya.

Tuan Yang di Pertua, mengenai fahaman agama. Saya datang dari Perlis dan begitu juga ada dua orang lagi kawan saya di sini. Perlis ini, kalau orang biasa pergi di sana mendapati bahawa kem tentera tempatan hari ini dijadikan satu kem battalion yang bertukar ganti dekat dengan mesjid. Bila tentera-tentera itu duduk pada hari Jumaat bersembahyang di mesjid yang berhampiran di situ, ada yang sukakan supaya perkataan bismillah dibaca kuat-kuat, ada pula yang tak hendak dengar bismillah kuat. Lama-lama mesjid di Perlis, walaupun dahulunya baca bismillah itu kuat, hari ini lafaz bismillah itu telah perlahan dikebanyakan mesjid. Jadi timbullah tuduhan kaum baharu dan sebagainya. Tetapi walaubagaimanapun, apa yang saya katakan tadi, saya juga berasa dukacita, atas berlakunya perkara itu. Mengikut seruan dan Rasulnya, ini tetap tidak salah. Sebab itulah kami di Perlis hari ini boleh jadi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan menuduh bahawa kami tidak boleh ikut Perlis, tinggal lagi bila saya datang berkursus baik di tempat mana sekalipun Perlis selalu menjadi pertentangan dengan negeri-negeri lain.

Pernah berlaku dalam Mesyuarat Agong UMNO dibangkitkan oleh seorang hamba Allah bercakap fasal agama di Perlis, dan Persidangan Agong UMNO suruh hamba Allah itu duduk, katanya tidak payahlah bercakap bab agama kononnya Perlis itu kecil.

Saya berpendapat perkara yang benar tetap benar. Kalau hendak dikira begitu Nabi Muhammad s.a.w. dahulu mengajak orang masuk Islam, masa itu bukan banyak, tetapi yang benar tetap benar.

Tuan Yang di Pertua, saya ini bukan berkempen tetapi secara tidak langsung, saya berani berkata dengan terus-terang bahawa agama ini, saya agak Perlislah yang betul

sekali daripada negeri-negeri yang lain. Sebab saya katakan begitu, kerana di Perlis bukan macam negeri lain, bila dia tidak tahu satu-satu benda itu, baik atau buruk, dia akan buat riah bahkan dia buat sabotaj. Tetapi bila dia tahu benda itu baik, akhirnya dia akan ikut.

Saya kata 20 tahun yang lepas di Perlis macam mana di Negeri-negeri lain juga mengikut junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Kami ikut tetap; tidak Shafie, tidak ada Maliki, tidak ada Hambali, tidak ada Hanafi, apa yang disuruh oleh Tuhan dan Rasul, itu yang kami buat, itu di Perlis. Orang Perlis sendiri kata mereka tidak boleh ikut, mereka kaum baharu, tetapi bila mereka itu belajar, baharulah mereka tahu apa yang mereka belajar bahawa ini adalah kehendak Tuhan.

Saya contohkan seorang. Seorang perantau bernama Sheikh Noor. 20 tahun yang lepas dia mengajar di Perlis dan hari ini juga dia ada di Perlis, bila dia mengajar orang tuduh dia kaum baharu walaupun apa yang dia bawa itu betul, lama-lama orang lari daripada belajar. Lambat sangat, yang kita suruh dalam agama ini, saya tengok macammana yang dikatakan oleh Pengarang Dian bahawa saya menyokong pendapat Pengarang Dian. Katanya: "Kacau-bilau dari penganut-penganut agama Islam bukan daripada orang kampung yang kunu, bukan kata tok-tok alim yang tidak bertanggungjawab," katanya. Apa sebab dia berkata begitu? Kerana, Tuan Yang di Pertua, ada setengah alim mencari makan, dia menghalalkan benda itu haram walaupun benda itu haram kerana perutnya mahu makan. Ini bukti yang saya dapati 20 tahun yang lepas. Saya pergi belajar dengan seorang tok guru yang betul-betul alim. Saya beri contoh, dan saya tegaskan dalam Dewan ini supaya semua rakyat faham samada dia hendak ikut atau tidak, itu hak dia, tetapi patut kita beri fahaman betul-betul.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, izinkan saya memberi penerangan sedikit. Ahli Yang Berhormat itu bercakap terlampau jauh mengenai budget kita ini. Saya minta direngkaskan sedikit supaya dapat memberi peluang kepada Ahli lain yang hendak bercakap.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Cuba rengkaskan seberapa yang boleh, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya cuba ringkaskan, tetapi benarkan saya bercakap sedikit lagi.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat walaupun macammana kita membuat rancangan kebaikan, tetapi kalau soal kerohanian tidak mendalam, rancangan tinggal rancangan, itu maksud saya. Kerana hari ini, saya suka menjelaskan bahawa niat Tun itu memang baik, tetapi cara perlaksanaan itu tidak tegas. Yang menyebabkan gagalnya rancangan kita ini kerana salah satu sebab perlaksanaan yang dibawa oleh pegawai Kerajaan—setengah daripada pegawai Kerajaan, kalau dalam segi agama setengah-setengah alim yang kita agong-agongkan tetapi alim untuk perut mereka sendiri. Benda yang haram boleh dimakan. Misalnya kata seorang tok guru pediah dalam sembahyang tidak boleh, pediah puasa boleh, tetapi kalau ada orang suruh saya buat, saya kata tok guru ini pun kuat setakat anggota manusia, kalau saya menentang, dia kata kamu baru berumur 20 tahun hendak menentang aku, akhirnya saya kena hambat, hakikatnya saya tidak menentang. Ini dalam agama. Ada setengah guru sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa dia hidup mencari makan atas pendapatan dia sendiri—dia orang kaya dan membeli syer kapal terbang, dia langsung tidak dengar atas pendapat orang lain. Dia tidak peduli, hendak ikut, ikut. Aku ajar betul-betul macam Nabi Muhammad s.a.w. dahulu. Kaum Quris hendak baling, kaum Kafir hendak baling, hendak beristeri hendak beri apa pun, aku tidak mahu, aku buat apa kehendak Tuhan, begitulah apa yang diajar oleh Sheikh Noor di Perlis sana. Lambat sangat benda yang benar tetap benar.

Pada hari ini, Tuan Yang di Pertua, sampai 1,000 orang ataupun 1,500 orang menghadiri dalam kursus yang dibawa oleh Sheikh Noor yang saya sebutkan tadi termasuklah kaum terpelajar dan saya sendiri, tetapi pada awal-awal lagi semua orang benci. Saya contohkan di Perlis. Ibarat kita bubuh air dalam satu tin kecil, bila air itu kita bubuh dalam tin kecil, kita guncang, dia mudah ligat tetapi negeri lain macam Kedah, Perak, Kelantan dan Trengganu negeri itu luas bubuh dalam satu tin yang besar, bila guncang air tidak sampai, jadi benda itu tidak jadi apa. Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, walaupun Perlis negeri

kecil cara begini patutlah dibuat bagi Tanah Melayu, biarlah semua itu kita beri fahaman betul-betul supaya janganlah tinggal agama Islam itu sebagai agama rasmi, tetapi cara pelajarannya tidak dapat diatasi oleh tiap-tiap seorang.

Tuan Yang di Pertua, saya pergi ke Jabatan Pertanian. Kita berterima kasih hari ini kepada Jabatan Pertanian dan Kementerian Pertanian kerana telah memberi bantuan kepada peladang dalam beberapa segi. Satu daripadanya ialah benih-benih limau, baja dan ubat racun serangga. Tetapi yang kita berasa sedih, ubat padi, benih padi yang baik, tetapi walaumacammannapun tiap-tiap satu benda itu dia ada musim. Kalaulah kita beri benih limau ataupun benih rambut tidak kena dengan musim, akhirnya benih rambut atau benih limau yang Kerajaan ataupun Pejabat Pertanian beri itu tinggal begitu sahaja. Kadang-kadang peruntukan daripada Jabatan Pertanian membagikan benih kepada pak tani atau Persatuan Peladang tadi dalam bulan Disember, baharu diluluskan. Sampai kenapa pak tani dalam bulan Januari, masa itu sudah mulai hujan. Pak tani yang mengambil benih limau atau benih rambut tadi diletakkan di atas sekeping tanah yang tidak ada air—tanah tidak subur, akhirnya benih limau tinggal sahaja benih, rancangan Kerajaan gagal sahaja di tengah jalan, sebab perlaksanaannya tidak begitu teratur dan tidak memuaskan. Saya berharap kepada Jabatan Pertanian, kalaulah hendak beri bantuan, hendaklah mengikut keadaan masa yang sesuai yang boleh ditanam yang mahu diterima oleh tanah untuk menghidupkan benih yang Kerajaan atau Jabatan Pertanian beri tadi. Janganlah diberi pada satu masa yang bukan sesuai dengan keadaan yang patut diberi.

Tuan Yang di Pertua, Menteri Perusahaan Utama. Saya berasa dukacita saya sudah bercakap dahulu sekali dan sudah membuat perjanjian mengatakan kilang untuk mengeluarkan hasil getah yang baik akan dibuat di Perlis, kalau tidak silap bulan Ogos ataupun bulan Jun. Saya sudah bercakap dan dia beri pengakuan, tetapi saya amat dukacita sampai ke hari ini berita-berita angin pun tidak dapat tahu lagi hendak dibuat ataupun tidak dibuat sedangkan harga getah tidak begitu tinggi, sesudah itu pula getah ada peringkat, getah yang baik

walaupun getah murah tetapi tinggi sedikit kerana getah dari perbuatan yang baik tetapi getah pula sudah murah. Getahnya pula tidak baik, kata orang sudah jatuh ditimpa tangga. Jadi nasibnya pekebun-pekebun getah di Perlis amatlah malang. Kalau di negeri Kedah ada macam mana saya sebutkan tadi Menteri yang berkenaan sudah memberi pengakuan, di Perlis sudah berapa kali dibuat rayuan, tidak dapat. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan yang sudah berjanji tolonglah disegerakan kerana yang mendukacitakan kata orang bila diminta, jawabnya akan dipertimbangkan, tetapi timbang ataupun janji ini, tidak ketahuan hari dan tidak ketahuan musim, janji inilah yang kita berasa dukacita. Ada pula setengah orang buat perincian, kata orang di negeri Perlis tanah geran tidak ada, tetapi macam mana tanah TOL pun telah dibenarkan oleh Kerajaan sedangkan hasil dibayar kepada Kerajaan. Saya berharap sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan dengan getah ini tolonglah buat bangsal, saya tidak mahulah janji tinggal janji, tolonglah segerakan sedikit.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan harga barang. Harga barang ini juga saya telah bercakap dalam Dewan ini beberapa bulan yang lepas. Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan kerana membubuh harga barang. Tetapi yang dukacitanya, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat bahawa mulai daripada sekarang ini, saya mengesyorkan kepada Kerajaan patutlah harga-harga barang ini juga dibubuh langsung harga barang ini. Kerana harga barang inilah yang mengelabukan, menzalimkan orang yang jujur dan orang yang ikhlas. Apa sebabnya saya berkata demikian? Harga barang bukan tetap, bukan minima, kata orang, tidak tetap harga barang tipu. Ini Pegawai Kerajaan sendiri yang membeli, harga barang ditulis \$27.50, Pegawai Kerajaan Division I. Pegawai Kerajaan Division I dia pula orang yang betul dan ikhlas, dia terkena. Ditulis harga barang itu maka dia beli satu jam \$27.50 selepas tawar-menawar, bertolak ansur, akhirnya jam \$27.50 tadi, menjadi \$13.50. Itulah sebabnya saya katakan harga barang menlelapkan, menzalimkan orang yang jujur untuk membeli atau menggunakan barang-barang, dengan sebab itu, kalau hendak menetapkan juga harga barang

biarlah tetap harga yang tetap, jangan buat ada tawar-menawar. Ada pula kata Kerajaan tidak boleh, cuma Kerajaan yang boleh menetapkan harga barang itu. Ini Kerajaan tidak boleh menzalimkan pihak peniaga. Jadi kalau sudah agak tidak boleh, biarlah pengguna itu sendiri pandai, kalau dia tidak pandai membeli, biarlah hendak kena tipu pun, apa hendak buat, tetapi jangan menyuruh peniaga-peniaga tadi menggunakan alat Kerajaan, menggunakan daya usaha Kerajaan untuk menipu pengguna. Kita hendak tawar kadang-kadang dia marah kita, sebab Kerajaan suruh bubuh harga barang, walhal dia bubuh bukan betul. Kalaulah sudah kita tidak tahu, orang kita tidak cukup alat, Tuan Yang di Pertua, tidak payah kita buat. Saya berharap daripada hari ini, kalau tidak bubuh harga yang tetap, tarik balik harga barang itu bukan menguntungkan rakyat bahkan mengelabukan orang yang jujur walaupun dahulu saya sudah bercakap patutlah harga barang ini dibubuh pada musim-musim yang tertentu.

Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pelajaran. Sebagai rakyat Perlis, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan dan bersyukur kepada Tuhan, kerana negeri Perlis telah banyak dibuat sekolah menengah, sekolah rendah dan sebagainya dan pada tahun ini pula mengikut pengumuman Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran akan dibuat 6 buah lagi sekolah menengah dan sekolah rendah dan akan dibuat sebuah sekolah vocational lagi yang besar di negeri Perlis. Walaumacammapun, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi ada sahaja benda yang patut kita minta sebagai salah seorang Ahli Dewan dan seorang rakyat, saya menyuarakan kepada Kementerian yang berkenaan untuk memperbaiki lagi sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi mengenai buku-buku teks.

Saya hairan, Tuan Yang di Pertua, dalam Kementerian ini ada pakar-pakar, ada orang yang mencatatkan rekod dan ada pegawai-pegawai peperiksaan dan berbagai-bagai lagi. Saya rasa agak lengkap, tetapi bagaimana keadaan buku kita tidak tersusun, sedangkan

sekolah sudah dibuka sebulan, buku tidak ada lagi. Tidaklah boleh Kementerian yang berkenaan menetapkan sebelum sekolah tahun 1974 hendak dibuka bulan Ogos sudah dia tahu banyak mana murid ini hendak menggunakan buku-buku untuk Darjah IV, Darjah V dan sebagainya? Diadakan rekod. Di Pejabat ada yang merekodkan murid dan saya berharap Kementerian yang berkenaan berhubung dengan pencetak-pencetak. Kita hendak menyalahkan pencetak pun tidak boleh. Pencetak hendak cetak buku dia tidak tahu Kementerian hendak memakai buku apa.

Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pelajaran menetapkan sebelum buku sekolah ini misalnya kita kata tahun 1974 bulan Ogos dia tetap buku Darjah I, Darjah II, Darjah III, Darjah IV khasnya peringkat sekolah rendah ini buku yang hendak dipakai, peringkat menengah ini buku yang hendak dipakai boleh dicetak oleh pihak pencetak, tetapi pihak pencetak hendak mencetak buku tidak berani, sebab Kementerian Pelajaran tidak tegas, agak saya. Katalah mengenai ejaan hari ini. Ejaan kita walaupun kita pakai ejaan baharu, tetapi ejaan lama masih tidak dikatakan lagi tidak boleh dipakai. Jadi pencetak hendak mencetak ejaan baharu, jangan-jangan ejaan lama pun masih ada lagi. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya berharaplah pihak Kementerian Pelajaran iaitu satu menyediakan bagi buku-buku atau menetapkan buku yang hendak dipakai biarlah awal tahun dan berunding dengan pihak-pihak pencetak supaya apa yang berlaku pada tahun ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan bangunan-bangunan sekolah. Baharu-baharu ini, Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran mewakili Menteri Pelajaran membuka sebuah sekolah di Kangar. Saya juga turut hadir bersama

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 13hb Februari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.